



جامعة مفتى كلجان

JABATAN MUFTI KERAJAAN
 JABATAN PERDANA MENTERI
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Teguh memegang ISLAM dan Mentaati Ajaran ISLAM

Oleh Haji Mohidin bin Haji Mustapha

- Titah

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah mengingatkan rakyat dan penduduk negara ini supaya keamanan dan kemakmuran yang dinikmati jangan sampai memesongkan mereka daripada mentaati Allah. Sebaliknya, keamanan dan kemakmuran negara itu hendaklah menjadi daya pendorong ke arah menyuburkan lagi iman dan takwa kita kepada Allah. Baginda bertitah demikian sempena menyambut Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei pada hari Jumaat malam Sabtu 12 Rabiulawal, 1423 bersamaan 24 Mei, 2002.

Seterusnya di dalam titah baginda itu, baginda turut mengingatkan kita umat Islam agar tetap teguh memegang dan mentaati ajarannya walau apapun yang berlaku kepada Islam, termasuk jika ia dipinggirkan. Baginda bertitah:

“ Tidak syak lagi, Islam kini memang sedang diuji, umat Islam



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima junjung ziarah ketua-ketua pasukan yang mengambil bahagian diperhimpunan dan perarakan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi Wasallam di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

sedang diajak dan dipengaruhi untuk mengasingkan diri daripada ajaran Islam yang sebenar, yakni sedang didorong ke arah tindakan yang menyalahi ajaran-ajaran Allah.”

Dalam hubungan tersebut, baginda menyarankan jika perkara ini tidak segera disedari, umat Islam akan semakin terpinggir dan menjadi lemah. Maka oleh itu, titah baginda, satu cara yang baik dan malah wajib dilakukan ialah mencontohi kembali sikap Baginda Rasulullah

Safar - Rabiulakhir 1423

April - Jun 2002

Tahun 6 Bilangan 2

Menarik Di Dalam

3 Bersama Mufti:
 Pendidikan Pintu Segala-galanya

7 Fatwa Mufti Kerajaan: Memberi Wang Kepada Orang Yang Menyembahyangkan Jenazah

14 Al-Fuzail
 Berhadapan Dengan Khalifah Harun ar-Rashid

18 Marriage & 'Iddah Of Islam
 Women Who Embrace Islam

20 Fun Fair Boleh Menyumbang Kepada Judi

(Bersambung ke muka 24)

Rebutlah Peluang Berwakaf



Al-Hadaf Tahun 6 Bil: 2 • Safar - Rabiulakhir 1423 / April - Jun 2002

Kehidupan di dunia ini hanyalah bersifat sementara sahaja. Sesungguhnya kehidupan di akhirat itulah yang kekal abadi untuk selamanya. Hidup di dunia ini adalah ibarat jambatan untuk menyeberangi akhirat. Amal dan ibadat yang dikerjakan di dunia akan menjamin dan menentukan nasib kehidupan di akhirat.

Dalam hubungan tersebut, apakah kita telah berusaha dengan bersungguh-sungguh menanam modal atau bekal untuk hari ahkirat? Banyak perkara atau amal ibadat yang boleh dilakukan sementara hidup di dunia ini demi akhirat yang bahagia. Bermula dari bangun tidur di waktu pagi hingga tidur semula di waktu malam, berbagai-bagi perkara kebaikan boleh kita lakukan bagi mendapatkan pahala dan keredaan Allah *Subhanahu Wata'ala*. Hanya saja, kadang-kadang kita tidak tahu merebutnya!

Bercakap mengenai peluang-peluang untuk memperolehi dan mengharap pahala serta ganjaran daripada Allah *Subhanahu Wata'ala* itu, baru-baru ini Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam telah menyediakan peluang kepada umat Islam berwakaf dalam bentuk *ilmu* iaitu dengan cara membeli pakej wakaf buku terbitan Jabatan Mufti Kerajaan. Pakej wakaf buku yang dibeli itu diwakafkan sama ada ke masjid, surau, perpustakaan sekolah atau perpustakaan awam.

Berwakaf dalam bentuk *ilmu* itu berlipat ganda dan bertiti pahalanya. Kerana apabila buku yang diwakafkan itu dibaca dan dipelajari serta disampaikan oleh seseorang kepada orang lain pula, maka pahala mempelajari, menyampaikan dan mengamalkan ilmu itu, *Insya Allah* akan diperolehi juga oleh

pewakafnya. Pahalanya akan sampai dan diperolehi sambung bersambung.

Firman Allah yang bermaksud: “*Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah) Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi meliputi ilmu pengetahuanNya.*” - Surah al-Baqarah : 261.

Oleh kerana itu, janganlah ditunggu sehingga di hari tua barulah kita akan beramat atau beramat jariah sebanyak-banyaknya. Belanjakanlah harta kita ke jalan Allah sebelum terlambat. Beramat jariah atau berwakaf bererti kita menyediakan pelaburan jangka panjang, pelaburan bukan saja modal untuk hidup di dunia malah juga untuk hari akhirat yang kekal abadi. Allah *Subhanahu Wata'ala* berfirman: “*Dan belanjakanlah sebahagian daripada apa yang telah Kami berikan kepadamu sebelum datang kemudian kepada salah seorang di antara kamu, iaitu ia berkata: “Ya Tuhanku, mengapa Engkau tidak menangguhkan (kematian)ku sampai waktu yang dekat, yang menyebabkan aku dapat bersedekah dan aku termasuk orang-orang yang salih.”*” - Tafsir surah al-Munafiqun ayat 10.

Kita memahami bahawa ada sebahagian orang mampu berwakaf, tetapi tidak tahu ke mana dan apa yang hendak diwakafkan. Kini Jabatan Mufti Kerajaan telah menyediakan peluang untuk beramat jariah. Rebutlah peluang ini demi akhirat yang panjang dan berkekalan.■

SIDANG PENGARANG

KETUA PENGARANG

Dato Paduka Awang Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah, Pengarah Pentadbiran.

PENOLONG KETUA PENGARANG

Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha
Ketua Bahagian
Penerbitan dan Penerangan

PENGARANG

Awang Haji Japar bin Haji Maidin
Awang Haji Alias bin Pengarah Haji Jalil
Awang Haji Yakob bin Haji Metali
Awang Haji Duraman bin Haji Kula
Awang Haji Mohd. Nur Lubis bin Abdul Razak
Dayang Hajah Sufiyah binti Haji Tuah
Siti Alawiyah binti Haji Mohd. Zainal

URUSAN FOTO

Awang Haji Yakob bin Haji Metali
Pengiran Ibrahim bin Pengiran Haji Bakar

PEMBAHAGIAN / PENGEDARAN

Pegawai-Pegawai dan Kakitangan,
Jabatan Mufti Kerajaan,
Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

*Terima Kasih
atas ehsan Foto
kepada:*

*Jabatan Pererangan,
Jabatan Perdana Menteri*

PERINGATAN

Jagalah suratberita ini dengan baik dan cermat, kerana ia mengandungi ayat-ayat al-Qur'an dan hadis Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam

PENDIDIKAN

Pintu Segala-galanya

Bersempena dengan Sambutan Awal Muharram 1423 Hijrah, rancangan "Bersama Mufti" yang disiarkan melalui Televisyen Brunei telah memuatkan wawancara eksklusif Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha dengan Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, mengenai perkara yang sedang banyak diperkatakan orang iaitu Gejala Sosial Yang Melanda Masyarakat. Ikutilah wawancara ini.

Penemuramah:

Bersempena dengan **Sambutan Awal Muharram** pada kali ini, elok rasanya kita melihat beberapa isu untuk disentuh, khasnya apa yang menjadi bahan-bahan berita di akhir-akhir ini. Di antaranya tentang **Pelajar Kaki Disko** telah disiarkan di akhbar-akhbar tempatan keluaran 18 Februari, 2002, di mana 70 orang telah ditahan, 34 orang daripadanya adalah remaja yang masih bersekolah, termasuk 16 orang gadis. Kemudian kes cuba merompak sampai memecahkan **kedai emas**, keluaran 9 Mac, 2002, kejadian Polis **Gempur Penyeludup Arak**, keluaran 11 Mac, 2002 dan lain-lain lagi. Kita ingin mendapatkan komen Pehin mengenai perkara ini.

Pehin Mufti:

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَأَصْلَى
وَأَسْلَمَ صَلَوةً وَتَسْلِيمًا يَلِيقًا بِمَقَامِ أَمِيرِ
الْأَئِمَّةِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدَ
صَلَوَاتُ اللّٰهِ وَسَلَامٌ عَلَيْهِ. وَأَشْهُدُ أَنَّ
لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَلَيْ
الصَّالِحِينَ. وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ
اللّٰهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، خَاتَمُ الْأَئِمَّةِ
وَالْمُرْسَلِينَ. وَبَعْدُ.

Bahasa yang layak untuk menjawab soalan ini ialah, kita sungguh berduka cita campur terkejut apabila membaca berita tersebut. Nampaknya ia bukan setakat berita saja, tetapi juga lengkap dengan fakta-fakta bergambar yang memaparkan sebahagian mereka yang terlibat.

Ini memberi gambaran bahawa Negara Brunei Darussalam sudah mempunyai masalah, masalah gejala sosial, sebagaimana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri



Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam dan Haji Mohidin bin Haji Mustapha, bersedia untuk rakaman rancangan "Bersama Mufti".

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah juga menyebutnya dalam titah sempena Sambutan Jubli Emas Maktab Sultan Omar Ali Saifuddien baru-baru ini. Apakah sebenarnya punca masalah ini? Bolehkah kita cakap ianya berpunca daripada pengaruh-pengaruh globalisasi?

Pendapat ini ada juga betulnya. Tetapi pada saya, pengaruh itu, apapun pengaruh, masih boleh ditolak jika kita mahu.

Nabi *Sallallahu 'alaihi Wasallam* mengajar kita supaya bersahabat dengan orang-orang yang baik dan menghindarkan diri daripada bersahabat dengan orang-orang yang jahat, tujuannya ialah, masalah pengaruh inilah. Ertinya pengaruh itu boleh didapat dan boleh juga ditolak dengan cara ikhtiar kita melalui cara bergaul.

Pengaruh adalah suatu kuasa. Ia memanglah kuat. Tetapi kita masih boleh menolak atau menghalangnya dengan kekuatan juga. Seperti air, ia adalah satu kuasa atau tenaga yang amat kuat, tetapi ia masih boleh

dikendali atau dikawal dengan membuatkannya ampanang.

Jadi pada saya, apapun pengaruh, ia masih boleh ditolak atau dihalang. Cuma, terpulang kepada kita untuk menggunakan alat apa yang kita mahu untuk menolak atau menghalang itu. Bagi setengah keadaan dan tempat, ada orang lebih suka menggunakan kuasa, atau ada juga yang setakat menggunakan peraturan-peraturan biasa, atau lebih jauh dengan undang-undang dan seumpamanya.

Penemuramah:

Pada Pehin, apakah alat yang terbaik untuk mengatasi gejala sosial yang sama-sama kita takuti ini?

Pehin Mufti:

Pada saya, alat-alat yang disebutkan di atas tadi boleh saja digunakan terutama apabila keadaan meruncing yang memerlukan kita mengambil tindakan segera. Tetapi alat yang paling baik lagi tepat ialah pendidikan. Pendidikan adalah pintu segala-galanya. Dengan pendidikan manusia akan jadi baik, dan dengan pendidikan juga seseorang boleh jadi rosak atau menjadi perosak.

Satu contoh pendidikan zaman kini. Ada pihak yang lantang menganjurkan supaya diberikan saja kebebasan mutlak kepada kanak-kanak. Jangan sekat-sekat. Anak-anak perempuan jangan kontrol, biarkan mereka menentukan corak kegemaran mereka sendiri. Jika mereka mahu dedah aurat, biarkan. Kemudian, di sana terdapat pula satu teori pendidikan lain, iaitu kanak-kanak dari umur enam tahun lagi, wajar untuk diberikan pendidikan seks. Ertinya, jika kanak-kanak itu bertanya kepada bapanya: "Wahai bapa, bagaimanakah saya sampai dilahirkan?" Maka si bapa akan menjawab: "Bapa dan ibumu mula-muda berkahwin, kemudian bersama-sama tidur dan ..."

Adakah ini maju namanya, ataupun suatu budaya dari budaya zaman batu?

Saya fikir, ini bukanlah pendidikan yang membina, tetapi meruntuh.

Penemuramah:

Dapatkan Pehin terangkan dengan contoh bagaimana pendidikan yang baik menurut perspektif Islam?

Pehin Mufti:

Allah Subhanahu Wata'ala telah mengajar kita bagaimana mendidik anak. Ya, Allah mengajar, bukan guru, bukan pensyarah, tetapi Allah yang mengajar.

Hal ini telah disampaikan melalui lisan Lokman al-Hakim dalam al-Qur'an. Ya, al-Qur'an bukan buku, bukan kitab, tetapi al-Qur'an.

Asas mula-mula didikan itu, Lokman berkata:

**يَبْنِي لَا تُفْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الْشَّرِكَ لَظُلْمٌ
عَظِيمٌ**

(Surah Luqman: ١٣)

"Wahai anakku, janganlah engkau menyekutukan Allah. Sesungguhnya menyekutukan Allah itu adalah kezaliman yang besar."

Lokman menambah lagi:

**يَبْنِي إِنَّا إِنْ تَكُ مِنَ الْمُقَالَ حَيْثُ مَنْ حَرَّكَ
فَتَكُنْ فِي صَخْرَةٍ أَوْ فِي السَّمَوَاتِ أَوْ فِي
الْأَرْضِ يَأْتِي هُنَّ اللَّهُمَّ**

(Surah Luqman: ١٦)

"Wahai anakku, sesungguhnya jika ada kebijakan, walaupun seberat sebiji sawi, sekalipun yang tersimpan di dalam batu, atau ada di langit mahupun di bumi, nescaya Allah akan datangkan / akan berikan balasannya."

Ini dia ibu segala pendidikan, iaitu : Jangan sekutukan Allah.

Sembah Dia sahaja, jangan yang lain-lain. Dan kemudian hendaklah pula diketahui dan diyakini, bahawa bagi Allah itu tidak ada satupun yang tersembunyi. Semuanya ada di dalam pengetahuanNya.

Selesai penanaman benih tauhid ini, Lokman seterusnya mendidik:

يَبْنِي أَقْرِبَ الْصَّلَاةَ

(Surah Luqman: ١٧)

"Wahai anakku, dirikanlah sembahyang."

Sesudah kamu tahu, kamu yakin Allah itu Maha Esa, tiada sekutu bagiNya, maka hendaklah kamu sembah Dia. Sembah betul-betul:

أَقْرِبَ الْصَّلَاةَ

Allah tidak menggunakan perkataan "أَدَّ الْصَّلَاةَ", tetapi menggunakan perkataan "أَقْرِبَ الْصَّلَاةَ" dan "أَقْرِبَ الْصَّلَاةَ" adalah berbeza. Artinya "tunaikanlah sembahyang" sedang artinya "dirikanlah sembahyang". أَدَّ hanya menuaikan. Bermacam-macam cara orang menuaikan. Ada yang menuaikan dengan sempurna, ada juga yang kurang sempurna, bahkan ada yang sama sekali tidak menepati tuntutan ibadat, kerana lalai atau tidak khusyu' umpamanya. Atau sembahyangnya itu terlalu cepat sehingga merosakkan bacaan dan *thuma'ninah*, tetapi asal menuaikan dia adalah menuaikan.

Berbeza apabila Allah menggunakan perkataan artinya dirikan/tegakkan sembahyang itu secara *istiqamah*, betul-betul tegak secara sempurna, sempurna segala rukun dan sempurna segala syaratnya.

Ah! Inilah cantiknya bahasa al-Qur'an itu.

Lokman mendidik seterusnya:

وَأَمْرٌ بِالْمَعْرُوفِ وَإِنَّهُ عَنِ الْمُنْكَرِ

(Surah Luqman: ١٧)

"Dan serulah manusia berbuat baik dan laranglah mereka daripada melakukan munkar."

Sampai di sini, awas! Wahai anak, wahai penuntut yang sedang menerima *tarbiyah* atau pendidikan ini. Apabila kamu sampai kepada peringkat ini, peringkat menyuruh orang lain berbuat baik dan melarang daripada *munkar*. Maka kamu akan ditentang, akan dicemuh sebagai jumud, beku dan kolot.

Ini akan berlaku. Ingatlah wahai anak-anak, sedarlah wahai para pendidik! Tuan-tuan akan ditentang dan dicemuh. Kerana ini memang sudah menjadi sunnah alam, bahawa orang yang menyuruh berbuat baik dan melarang daripada *munkar* itu akan ditentang. Kerana ramai orang yang tidak suka dinasihat. Nasihat boleh mengundang kemarahan mereka.

Tetapi, semua itu Allah tidak peduli, Dia tetap menyampaikan perintahNya:

وَأَمْرٌ بِالْمَعْرُوفِ وَإِنَّهُ عَنِ الْمُنْكَرِ

Jadi kalau begitu, kalau tentang itu pasti datang, cemuhan pasti diterima, apakah yang harus kita buat? Adakah kita akan menyesal, lalu dengan sekaligus akan memberhentikan saja dakwah *Amar Ma'ruf* dan *Nahi Munkar* ini?

Kata Islam jangan! Isyarat daripada Lokman jangan! Jangan lari dan jangan berganjak, tetapi:

وَاصْبِرْ عَلَى مَا أَصَابَكَ

(Surah Luqman: ١٧)

"Dan bersabarlah atas apa-apa jua yang menimpamu."

إِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ

(Surah Luqman: ١٧)

"Sesungguhnya semua itu merupakan perkara dan urusan yang disukai oleh Allah."

Ini dia pendidikan yang terbaik, *tarbiyah illahiyyah*, pendidikan ketuhanan:

Mula-mula ditanamkan roh tauhid, kemudian dikenalkan betapa luas dan hebatnya ilmu Allah Ta'ala, kemudian disuruh mendirikan sembahyang, kemudian disuruh bergerak mengajak orang lain berbuat baik dan melarang daripada *munkar*, dan kemudian diminta bersabar atas segala musibah yang menimpa, akibat daripada dakwah *amar ma'ruf* dan *nahi munkar* itu.

Nampakkah kita, jika pendidikan yang macam ini ada dimiliki oleh semua orang Islam, maka tidaklah akan berbangkit lagi masalah orang Islam yang keluar dari Islam, tidaklah akan berbangkit lagi masalah orang Islam yang curang, tidaklah akan berbangkit lagi masalah orang Islam yang menyelewengkan hukum dan kuasa, tidaklah akan berbangkit lagi masalah orang Islam yang tidak sembahyang, tidaklah akan berbangkit lagi masalah orang Islam yang anti dakwah, dan tidaklah akan berbangkit lagi masalah orang Islam yang lembik dan penakut yang tidak sanggup menerima ujian Allah.

Penemuramah:

Nampaknya sungguh hebat pendidikan Islam itu. Untuk kita lebih komited dengannya, dapatkan Pehin memberikan saranan-saranan mengenainya?

Pehin Mufti:

Sebenarnya belum habis lagi. Dalam ayat 18 dan 19 yang berikutnya, Lokman terus

berwasiat mendidik:

وَلَا تُصِرِّخْ خَدْكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ في
الْأَرْضِ مَرَحًا وَاقْصِدْ فِي مَقْبِلَكَ
وَأَغْضُضْ مِنْ صَوْتِكَ

(سورة لقمان: ١٨ & ١٩)

"Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di muka bumi dengan lagak sompong, dan (bahkan) sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan, dan rendahkan suaramu semasa bercakap-cakap....."

Ini juga satu perkara besar di dalam ilmu jiwa, dalam bidang pergaulan dan perhubungan. Agama Islam sangat-sangat memelihara semua ini.

Di sini jelas, akhirnya kita disuruh supaya mempunyai sifat tawadhu', sifat merendah diri, sifat mengambil berat sesama manusia.

Kalau melihat dan bercakap dengan orang, maka lihat dan bercakaplah betul-betul, jangan perli, jangan main-main. Khasnya bercakap dengan orang miskin atau orang rendah, lihat dan bercakaplah dengan mereka betul-betul. Bertentang betul-betul. Jangan lari-larikan muka.

Ingat, jika saudara berdua dengan orang miskin atau orang rendah, itu sebenarnya saudara bukan berdua, tetapi Allah adalah yang ketiga. Dia Maha Mengetahui keadaan saudara, hatta gerak hati saudara sekalipun.

Kerana itu, camkan baik-baik ajaranNya ini:

وَلَا تُصِرِّخْ خَدْكَ لِلنَّاسِ

"Jangan palingkan mukamu kerana menganggap rendah terhadap manusia."

Sungguh cantik tarbiah Allah ini.

Sayidina 'Umar al-Khatthab Radhiyallahu 'anhу, pada suatu malam sedang berjalan-jalan di sebatang jalan di Madinah. Tiba-tiba beliau mendengar rintihan perempuan sedang mengerang kesakitan.

Mengapakah perempuan itu? Tidak tahu.

Lalu kerana itu beliaupun mendekati rumah di mana suara itu kedengaran, dan mengetuk pintu. Suara dari dalam (suami perempuan) bertanya: "Siapa?" menjawab Saidina 'Umar: "Saya Abdullah (hamba Allah)."

Lihat, beliau tidak mengenalkan dirinya: "Saya 'Umar, Amirul Mukminin," tidak! Inipun satu daripada tanda tawadhu' Sayidina 'Umar.

Sebenarnya bukanlah semua orang kenalkan Sayidina 'Umar di Madinah. Pakaiannya bertambal-tambal sehingga belasan tambalan. Ramai yang tidak kenal. Maklum saja, bukan ada tv untuk menyiarkan gambar Sayidina 'Umar. Termasuklah suami perempuan ini, tidaklah mengenali Sayidina 'Umar. Sayidina Umar hanya berjalan sendiri, tanpa pengawal yang mengawal cuma Malaikat ar-Rahman sahaja.

Bertanya Sayidina 'Umar: "مَنْ حَانَتْ كَوْكِيمْ" "Apa khabar kamu?" Suami perempuan menjawab:

"Wahai saudara, isteri saya sedang sakit hendak bersalin. Tetapi di sini tidak ada sesiapapun yang boleh memberikan pertolongan. Tidak ada orang."

Mendengar itu Sayidina 'Umar lalu berdiri dan berlari keluar, balik ke rumahnya untuk menjemput isterinya, Ummu Kalthum. Sayidina 'Umar menyuruh isterinya masuk kepada perempuan itu untuk menolong perempuan tersebut melahirkan anak. Sementara beliau sendiri bertindak mengambil sedikit madu, sedikit minyak dan sedikit tepung, dan duduk di dapur menyalaikan sendiri api untuk memasak bahan-bahan ini yang akan diberikan kepada perempuan yang akan bersalin itu. Makanan seperti ini perlu untuk tenaga.

Melihat itu, suami perempuan segera mendekati Sayidina 'Umar dan berkata: "Wahai saudara, bangunlah dari asap dan api ini. Tinggalkan saja."

Tetapi Sayidina 'Umar menjawab:

أَسْتَقْبِلُ نَارَ الدُّنْيَا أَهْوَنُ عَلَىِّ مِنْ نَارِ
الْآخِرَةِ .

"Saya hanya berhadapan dengan api dunia. Ia adalah lebih ringan daripada saya berhadapan dengan api akhirat."

Ini dia sifat tawadhu' yang tidak ada tolok bandingnya, yang dibantu lagi dengan ingatan kepada akhirat.

Tidak lama kemudian, isteri Sayidina 'Umar, Ummu Kalthum keluar dari dalam bilik dan berkata:

بَشْرٌ صَاحِبُكَ بِعَلَامٍ يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ

"Sampaikanlah berita gembira kepada temanmu ini dengan kelahiran seorang anak lelaki, wahai Amirul Mukminin."

"Allah, Allah, Amirul Mukminin? Rupanya Tuan adalah Amirul Mukminin? Apa Ini? Apa sudah jadi? Amirul Mukminin menjadi tukang masak kepada orang

kampung yang tidak dikenali, dan isterinya, isteri Amirul Mukminin pula menjadi bidan bersalin kepada isteri orang kampung ini?" kata suami perempuan itu terperanjat.

Apa ini? Apa? Firman Allah Subhanahu Wata'ala:

أَذْلَلُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ أَعْزَزُ عَلَى الْكُفَّارِ
(سورة المائدah: ٥٤)

Inilah dia sifat orang beriman. "Berlemah lembut dan belas kasihan terhadap sesama mukmin, sementara sangat tegas serta gagah perkasa terhadap orang-orang kafir."

Inilah yang kita umat Islam pada masa ini tidak ada, kerana itulah kita menjadi umpama buih di laut, mudah digulung ombak dan mudah dipecah serta diterbangkan oleh angin.

Penemuramah:

Apakah saranan Pehin mengenai sistem dan dasar pendidikan itu?

Pehin Mufti:

Saranan saya, segala dasar dan sistem pendidikan itu perlulah dirujuk dan dipadankan dengan *tarbiah Ihriyyah*. Jangan terbiasa jauh-jauh, seperti teori tentang pendidikan seks tadi.

Kerana itu, apapun keadaan, yang disebut sebagai pendidikan agama itu jangan diroboh, malah diperkemas dan diberikan keutamaan.

Ini perlu difahami oleh semua orang dan peringkat. Terutama para ibu bapa, guru-guru dan orang-orang yang memegang dasar.

Pendidikan Islam tidak setakat syari'at, tetapi juga akidah. Tidak setakat beribadat, tetapi mengapa kita beribadat? Tidak setakat keluar zakat, tetapi mengapa keluar dan untuk apa kita berzakat?

Kalau tidak ada ini, orang tidak akan rasa manisnya iman dan tidak tahu indahnya Islam itu. Sebab itu, Islam dipelajari bukan setakat darjah enam, tetapi sehingga setinggi-tingginya, sedalam-dalamnya.

Tidak ada titik berhenti mempelajari ilmu, apa saja ilmu, dan tidak ada titik berhenti pendidikan itu. Khasnya pendidikan Islam, ia bermula di garisan awal kehidupan, dan baru akan berakhir apabila ajal menjemput.

Dan yang penting, pendidikan yang betul itu adalah menjanjikan kebahagiaan yang sebenar-benarnya. ■

وَاللَّهُ أَعْلَمُ

Kebawah Duli Yang Maha Mulia PERKENAN Jabatan Mufti Kerajaan SEDIAKAN **SKIM WAKAF BUKU TERBITANNYA**

Oleh Haji Yakob bin Haji Metali

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri mengendalikan Skim Wakaf Buku terbitannya.

Perkara ini dijelaskan oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan di Majlis Penyampaian Buku-buku sumbangan Bank Islam Brunei Berhad (IBB) kepada perpustakaan-perpustakaan awam, masjid dan institusi pengajian. Majlis berlangsung di Darulifta, Jabatan Mufti Kerajaan pada hari Isnin 2 Safar, 1423 bersamaan 15 April, 2002.

Menurut Yang Dimuliakan Lagi

AN PERDANA MENTERI DAN BANK ISLAM BRUNEI BERHAD



Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, bersama para-jemputan di majlis tersebut.

Dihormati Pehin, Skim Wakaf itu bertujuan untuk menyediakan peluang berwakaf bagi semua lapisan umat Islam dalam bentuk buku. Ia juga merupakan langkah Jabatan Mufti Kerajaan ke arah memandu masyarakat Islam pada sama-sama mengembang dan

menyebarluaskan buku terbitan Jabatan Mufti Kerajaan.

Di majlis itu, Bank Islam Brunei Berhad telah menyumbangkan sebanyak 1,322 naskhah buku kepada perpustakaan-perpustakaan awam, institusi pengajian dan masjid. Buku-buku yang disumbangkan ialah Isu-Isu Kewangan dan Soal Jawab Perbankan Islam dalam versi Melayu dan Inggeris.



Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, ketika menyampaikan buku-buku sumbangan IBB kepada Penolong Pengarah Sekolah-Sekolah (Menengah), Awang Haji Bujang bin Haji Mas'ut.

Hadir di majlis itu ialah Timbalan Mufti Kerajaan, Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan, Pengarah Urusan IBB pegawai-pegawai kanan, pegawai Jabatan Mufti Kerajaan dan Bank Islam Brunei Berhad. ■

Memberi Wang Kepada Orang-Orang Yang Menyembahyangkan Jenazah

Soalan:

Apakah hukum memberi wang kepada orang-orang yang menyembahyangkan jenazah?

Jawapan:

الْحَمْدُ لِلّٰهِ وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا
رَسُولِ اللّٰهِ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللّٰهُ عَلٰيهِ وَسَلَّمَ
وَعَلٰى آئٰهٖ وَأَصْحَابِهِ وَالشَّالِكِينَ سَلِيمَةً
وَالدَّاعِينَ يَدْعُونَهُ إِلٰى يَوْمِ الدِّينِ، وَبَغْدٌ

Dalam permasalahan seperti ini siapakah yang memberi wang itu? Jika yang memberi itu bukan ahli waris seperti kaum kerabat yang terdiri daripada *zawil arham*, anak menantu atau sahabat-sahabat si mati dan harta yang diberikan itu pula bukan daripada harta si mati, maka ianya adalah harus diberi kepada orang-orang yang menyembahyangkan mayat itu dengan maksud pahalanya untuk si mati tersebut.

Jika yang memberi wang itu terdiri daripada ahli waris dan wang yang diberi itu pula ialah wang pusaka atau harta warisan, maka hendaklah terlebih dahulu mendapat persetujuan daripada semua ahli waris yang berkenaan itu. Sekiranya hal ini terjadi juga, maka hendaklah dielakkan supaya penggunaan wang tersebut jangan sampai menjelas atau menghalangi penunaian perkara-perkara wajib bagi si mati seperti wasiat, zakat, hutang dan lain-lain.

Walau bagaimanapun, perlu juga diingat, bahawa memberi wang kepada orang yang menyembahyangkan mayat itu tidaklah termasuk perkara yang dituntut di dalam hal تجهيز الميت (penyelanggaran mayat). Dalam makna ia bukanlah satu perkara wajib ataupun sunat yang disyariatkan oleh agama. Ia adalah perkara lain yang mendarang, yang baru, yang mungkin juga didorong oleh perasaan semata-mata ingin bersedekah bagi si mati, sebagai tanda kasih dan simpati mereka. Itu saja.

Adapun perkara sunat yang elok dibuat dan bahkan digalakkan, khasnya oleh kaum kerabat dan jiran-jiran si mati, antara lain, ialah menyedia dan menghantarkan makanan kepada ahli keluarga si mati sebagai tanda simpati dan juga untuk meringankan beban mereka yang sedang sibuk menguruskan kematian itu. Inilah yang sebenar-benarnya wajar dilakukan oleh kita orang-orang Islam, bukannya membebangkan keluarga si mati itu tetapi ialah meringan dan menghiburkan mereka. Inilah perkara yang disuruh oleh Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam*, sebagaimana di dalam satu riwayat, apabila datang kepada Baginda perkhabaran tentang kematian Jaafar bin Abu Thalib, Baginda bersabda:

اضنعوا لآل حفقر طعاما، فإنه قد
تجاء عليهم ما يشغلهم

(رواه الترمذى)

Maksudnya: "Buatkan makanan oleh kamu untuk ahli keluarga Ja'afar kerana telah datang kepada mereka perkara yang membuat mereka sibuk (disebabkan ditimpa kematian itu)."

(Hadis riwayat Tirmidzi)

Di Negara Brunei Darussalam, perkara meringankan bebanan dan menghiburkan keluarga yang ditimpa kematian itu berjalan dengan baiknya dan diamalkan oleh orang-orang Islam setempat. Walaupun bukan semestinya dengan menghantarkan makanan, tetapi di dalam bentuk yang lain iaitu membawa sampul-sampul surat sambil menziarahi mayat. Sampul-sampul itu berisi wang yang berbeza-beza jumlahnya, dan diberikan kepada keluarga si mati, sebagai sedekah. Dan yang cantiknya lagi, ianya bukanlah terhad dilakukan oleh kaum kerabat dan jiran-jiran sahaja, malahan juga oleh rakan



Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned,
Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam

taulan siapa sahaja, dengan tidak mengira jauh ataupun dekat. Inilah budaya *sunnah* yang sedang berjalan di dalam masyarakat Brunei hari ini.

Berbalik mengenai pemberian kepada orang yang menyembahyangkan mayat, ianya boleh sahaja diterima sebagai sedekah bukannya upah. Begitu juga tiada halangan sekiranya si penerima tersebut menyedekahkan balik kepada keluarga si mati, lebih-lebih lagi jika keluarga tersebut diketahui lebih memerlukannya, ataupun dalam makna lain sangat berhajat, nisbah kepada keadaannya kurang berada umpamanya.

Perlu juga diingat oleh kita, bahawa hadir dan sembahyang ke atas mayat itu adalah sangat besar pahalanya menurut hadis-hadis Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam*. Hadir dengan sembahyang sahaja mendapat satu *qirâth*. Satu *qirâth* itu sama dengan sebuah gunung Uhud (menurut hadis). Jadi untuk menjamin laba di akhirat, maka berlaku ihsanlah kepada si mati dengan cara menyempurnakan pengurusannya seperti yang dituntut oleh Islam, termasuklah menyembahyangkannya. Adapun sembahyang tanpa menerima apa-apa itu, lebih pasti *insyâ' Allah*, akan menerima ganjaran (pahala) seperti gunung Uhud. Inilah yang terang dan jelas sebagaimana dijanjikan.

Oleh kerana permasalahan ini berhubungkait dengan amal kebajikan yang dibuat oleh keluarga si mati dengan maksud wang pemberian itu pahalanya untuk si mati, maka di sini saya nukilkan fatwa Allahyarham Pehin Datu Seri

Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz, siri 56/83 mengenai kenduri arwah sebagai tambahan kepada penjelasan di atas yang kedua-duanya mempunyai unsur persamaan dari segi mengeluarkan perbelanjaan atau yang berkaitan dengan mengeluarkan wang. (Fatwa yang dinukil ini telah dibuat sedikit pengubahsuaian dalam beberapa perkara yang tidak menjelaskan keasliannya bagi tujuan memudahkan pihak yang bertanya).

Dalam fatwa berkenaan itu beliau membawakan pendapat-pendapat para ulama mengenainya. Antara kandungan fatwa tersebut menyatakan:

"Al-'Allamah As-Sayyid 'Alwi bin Ahmad as-Saqqaf yang mati tahun 1335H di Mekkah menyebutkan dalam Tarshih al-Mustafidin ketika dia membawa ibarat at-Tuhsah dan ulasannya:

"Sunat bagi jiran ahli si mati walaupun mereka bukan dari negeri si mati dan sunat bagi kerabat yang jauh bagi ahli si mati, walaupun mereka datang dari negeri lain, menyediakan makanan yang boleh mengenyangkan ahli si mati untuk sehari semalam, kerana ahli si mati diharu oleh kesedihan di atas kematian dan mereka menyuruh bersungguh-sungguh ahli si mati itu makan.

Sekarang sudah jadi biasa bahawa ahli si mati membuat kenduri dan memberi makan kepada orang-orang yang memberi takziah dan juga memberi makan kepada orang-orang yang tiada memberi takziah. Maka perbuatan ahli si mati memberi makan itu, boleh dimasukkan di bawah khilaf dalam perkara nuquth (نحوث) yang disebutkan dalam bab al-Iqrâdh

(الإغراض) adakah itu hibah atau qardh (hutang). Maka barangsiapa ada menerima nuquth itu daripada orang atau jiran, maka dia boleh membala nuquth orang itu sama ada wajib dibalas kalau ia dikatakan qardh, atau sunat dibalas kalau dikatakan nuquth itu hibah (pemberian).

Apakala perkara memberi makan daripada pihak ahli si mati kepada orang-orang yang memberi nuquth itu dan serta orang lain, maka tiadalah dapat dimasukkan perkara memberi makan ini dalam khilaf ulama.

Setengah-setengah ulama memberi fatwa bahawa sah berbuat wasiat pada memberi makan kepada orang-orang yang datang memberi takziah, dan wasiat memberi

makan kepada orang-orang yang memberi takziah itu boleh dan lulus dari satu pertiga dari harta pusaka si mati, dan ulama-ulama itu telah membawa berbagai-bagai dalil bagi menguatkan fatwanya dengan memberi kata ulama-ulama besar dalam perkara wasiat seperti perkara memberi makan kepada orang-orang memberi takziah itu.

Maka menurut fatwa setengah-setengah ulama ini, maka tiadalah terhenti memberi makan dan menyediakan makanan kepada ahli si mati dibuat sehari semalam sahaja. Bagaimana tersebut di atas ini pada perkara (1), maka sunat disediakan makanan kerana ahli si mati seterusnya bukan sehari semalam sahaja, sama ada mereka memberi makan akan orang-orang yang datang memberi takziah atau tiada, selagi ahli si mati berhimpun dan sugul dengan kesedihan.

Ini dia khilaf ulama dalam perkara memberi makan akan orang-orang yang datang memberi takziah.

Al-'Allamah al-Imam asy-Syeikh Husain Ibrahim al-Maghribi, Mufti Mazhab al-Malikiyah di Makkah al-Mukarramah yang mati tahun 1292H taktala dia ditanya: "Apa pendapat Tuan dalam perkara makanan yang dibuat pada hari ke tujuh si mati, dan dijamukan kepada pembaca-pembaca al-Qur'an dan lain-lain orang, dan orang yang membuat makanan itu tiada tujuan melainkan hanya mohon rahmat bagi si mati, dan membuat silaturahim, dan setengah-setengah orang berkata membuat makanan seperti itu adalah ditegah dan tiadalah harus dan tiada boleh dimakan makanan itu, mohon jawabnya."

Katanya: "Bila dibuat makanan itu, kerana mohon rahmat bagi si mati, dan kerana silaturahim, dengan tujuan menarik orang dan menggerakkan hati-hati supaya berdoa kepada si mati, dan supaya mohon rahmat bagi si mati, maka itu suatu tujuan dan qashad yang baik dalam Islam, dan bagaimana dalam hadis أَتَ اتَّحَدَ بِهِمْ؟ ertiinya, "Sanya suatu amal itu hendaklah adanya dengan ada niat," dan ini suatu kaedah yang dipakai dalam perkara perkataan dan perbuatan.

Dan tiadalah pada membuat makanan itu suatu bid'ah, melainkan apabila dibuat makanan itu dengan tujuan mengatakan membuat makanan itu sebagai suatu perkara agama dan suatu perkara syara'.

dan mengatakan dia suatu perkara hak si mati yang mesti ditunaikan oleh ahli si mati, sebagaimana dibuat oleh kebanyakan orang-orang jahil daripada orang awam Islam dengan tujuan yang rupa begitu, kalau ada begitu, maka hendaklah ditegah membuat makanan itu."

Berkata al-'Allamah al-Mawaq: "Yang ketujuh perkara yang dibuat kerana si mati, (jamu makanan) dan datang pembaca-pembaca al-Qur'an dan lain-lain orang pada jemputan makanan itu, maka barangsiapa tiada membuat makanan itu dan dia buat perkara yang lebih baik dari mengadakan makanan itu, maka dia telah buat perkara baik, dan barangsiapa tiada membuat makanan itu dan tiada membuat sesuatu yang lebih baik dari makanan itu, maka dia telah menzalimkan dirinya (yakni tiada berbuat sesuatu kebajikan bagi si mati). Adapun perkara yang dibuat oleh ahli si mati dengan bersusah payah pada mengadakan berbagai-bagai rupa makanan dengan tujuan ria, mengada-ada, menunjukkan-junjuk, dan bermegah-megah, maka apa perkara yang membawa ria dan menunjukkan-junjuk, dan mencari nama adalah ia perbuatan dan kelakuan orang-orang zaman jahiliah sebelum Islam. Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

أَنَا وَأُمِّي بِرَأْءَةٍ مِّنَ الْكَلْفِ

Maksudnya: "Aku dan umatku bersih daripada sebarang perbuatan yang memberatkan."

Ringkasnya: Membuat makanan kerana menghimpunkan orang kerana bertakziah adalah makruh, dan membuat makanan kerana membala budi baik kerabat dan jiran kepada ahli si mati, tiadalah makruh dan juga kerana silaturahim kepada si mati, wallahu 'alam.

Bagaimana cara pahala bacaan sampai kepada si mati?

Orang-orang Islam sekarang membaca tahlil mendoakan keampunan bagi si mati, dan membaca al-Qur'an dan pahalanya disedekahkan, atau dihadiahkan kepada si mati, dan bersedekah dan berkenduri makanan dan pahala keduanya dihadiahkan kepada si mati, maka tiadalah ada tegahan syara' padanya bahkan disuruh dan sunat bersedekah dan berdoa bagi mohon keampunan ke atas si mati dan juga orang Islam bersedekah, bertahlil dan berkenduri dan membaca al-Qur'an

seperti dalam majlis tiga hari, dan tujuh hari, dan empat puluh hari, kerana telah diriwayatkan daripada (at-Tâbi' al-Jalil Mujâhid yang mati di Makkah tahun 102 atau 103 Hijrah) telah berkata: "Orang mukmin yang mati tetaplah langit dan bumi menangis akan kematianya selama empat puluh pagi." Ditanya orang: "Mengapa kamu menangis hai langit dan bumi?" Katanya: "Mengapa bumi tiada menangiskan seorang hamba Allah yang telah mengimârahkan bumi dengan ruku' dan sujud? Mengapa langit tiada menangiskan kematian seorang hamba Allah yang tasbihnya (سُبْحَانَ اللَّهِ) dan takbirnya (اللَّهُ أَكْبَرُ) menderam dan berderu seperti menderam bunyi burung lebah." Orang bertanya: "Apa tanda langit menangis?" "Tandanya merah warna arah-arah langit itu." Tamat.

Adapun orang yang bukan mukmin tiada beriman kepada Allah Ta'ala, maka tiadalah langit dan bumi menangiskan dia, sebagaimana firman Allah Ta'ala dalam perkara orang-orang Fir'aun yang telah Allah menenggelamkan mereka.

فَمَا بَكَّتْ عَلَيْهِمُ السَّمَاءُ وَالْأَرْضُ

(سورة الدخان: ٢٩)

Tafsirnya: "Tiadalah langit dan bumi menangiskan Fir'aun dan orang-orangnya."

(Surah ad-Dukhân: 29)

Berkata al-Imam al-Khazin (Asy-Syafi'e yang mati tahun 741H dalam tafsirnya): "Kerana orang mukmin itu apabila dia mati, maka menangislah langit dan bumi empat puluh pagi, dan orang-orang Fir'aun itu tiada ada apa amal salih mereka naik ke langit, maka tiadalah langit menangiskan kehilangan mereka, dan tiadalah ada apa amal salih mereka di atas muka bumi, maka tiadalah bumi menangiskan mereka."

Daripada sahabat Anas bin Malik dalam hadis marfû':

مَا مِنْ مُؤْمِنٍ إِلَّا وَلَهُ تَابَانَ بَاتٌ يَضْعُدُ مِنْ
عَمَلِهِ وَيَاتٌ يَنْزُلُ مِنْهُ رِزْقٌ فَإِذَا مَاتَ
نَكِيْجَا عَلَيْهِ فَلَدِيلُكَ قُرْنَةٌ : "فَمَا بَكَّتْ عَلَيْهِمُ
السَّمَاءُ وَالْأَرْضُ ."

(رواه الترمذى)

Maksudnya: "Orang mukmin ada mempunyai dua pintu, satu pintu naik amal ibadatnya dari pintu itu ke langit, dan satu pintu yang lain turun rezeki untuknya dari langit melalui pintu itu, maka apabila orang mukmin itu mati, maka menangislah kedua pintu-pintu itu, maka itulah tafsir pada firman Allah Ta'ala:

فَمَا بَكَّتْ عَلَيْهِمُ السَّمَاءُ وَالْأَرْضُ

Kata qîl: "Yang menangiskan orang mukmin yang mati itu, ialah penduduk langit dan penduduk bumi." Tamat.

Tersebut dalam kitab al-'Awârif daripada sahabat Anas Radhiyallahu 'anhу telah berkata: "Pada tiap-tiap pagi dan tiap-tiap petang, maka rantau-rantau bumi itu memanggil setengahnya akan setengahnya: "Adakah lalu seseorang yang memberi selawat di atas kamu (memberi salam), atau seseorang berkata zikir Allah kepada kamu?" Setengah rantau itu berkata: "Ya", dan setengah rantau yang lain berkata: "Tiada". Maka apabila rantau itu berkata: "Ya", maka rantau itu telah ketahui bahawa dia telah dapat sesuatu kelebihan daripada rantau yang berkata: "Tiada". Seseorang hamba Allah yang berkata zikir Allah pada mana-mana rantau bumi, atau ia berselawat ke atas rantau itu, (yakni memberi salam), maka rantau itu akan menjadi saksi di sisi Tuhan bagi orang itu pada Hari Kiamat, dan menangislah rantau (yang kena selawat dan diselubungi oleh zikir Allah) itu, ke atas orang yang berzikir dan berselawat pada hari orang itu mati." Tamat.

Dan lagi tersebut dalam Nazm al-Imam as-Suyuthi yang mati tahun 911H Rahimahullahu Ta'ala:

"Telah disebutkan oleh 'Ubaid bin 'Amru dari riwayat Ibnu Jurâih (al-'Alîm al-'Allâmah al-Faqîh mati tahun 150H): "Bahawa orang mukmin dicuba dengan fitnah sepanjang masa tujuh hari, dan orang munâfiq difitnahkan dengan percubaan sehingga empat puluh hari."

Katanya sebelum ini:

"Adalah sahabat-sahabat (Radiallahu 'anhum) telah berkata bahawa sunat diberi makanan akan orang dan berkenduri kerana si mati, sepanjang tujuh hari dari matinya, kerana menolong si mati daripada kesusahan percubaan fitnah di kubur itu."

Tamat

Maka perkataan at-Tâbi' al-Jalil Mujâhid itu hingga akhir ibarat yang di atas ini, saya salinkan daripada perkataan al-Imam al-'Arif Billâh Ta'ala al-'Allâmah al-Faqîh asy-Syeikh Ahmad ibn Ahmad ibn Ismail al-Hulwaniyi al-Khalîjiyyu asy-Syâfi'e al-Azhari yang mati tahun 1308H dalam kitabnya Wasâ'il ar-Rahamat fî ma Yuthlab li man Mât. Kemudian katanya: "Dari apa yang saya sebutkan di atas ini, maka sayugia lah si mati diraikan sehingga empat puluh hari, dengan bacaan al-Qur'an, bersedekah, berkenduri kerana si mati, itulah sedaya yang kita boleh menolong si mati itu, wallahu a'lam." Tamat.

Maka inilah satu-satu dalil di atas perbuatan orang Islam sekarang bersedekah, berkenduri, berdoa, membaca al-Qur'an, bertaHLil kerana si mati dan pahalanya mereka berharap daripada Allah Ta'ala menerima, dan mereka berniat, bergashad sedekahkan pahalanya itu kepada si mati itu. Dari itu hendaklah bacaan al-Qur'an, tahlil dan sedekah dan kenduri itu diniatkan pahalanya disedekahkan kepada si mati supaya sampai pahala itu kepada si mati."

Khusus dalam hal ini, sama ada amalan mengadakan kenduri arwah atau mengeluarkan wang kepada orang-orang yang menyembahyangkan mayat, hendaklah mengambil kira semuanya itu tidak memberatkan atau membebankan kepada keluarga atau ahli waris si mati. Firman Allah:

لَا يَكُفُّ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وَسُعْيَا

(سورة البقرة: ٢٨٦)

Tafsirnya: "Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya."

(Surah al-Baqarah: 286)

Hal ini juga sesuai dengan ajaran dan pimpinan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam sebagaimana disebutkan oleh hadis di atas iaitu:

أَنَا وَأُمِّي بُرَآءٌ مِنْ التَّكْلِيفِ

Maksudnya: "Aku dan umatku bersih daripada sebarang perbuatan yang memberatkan." ■

وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِالصَّرَاطِ

SKIM WAKAF BUKU

Pandu Masyarakat Mengembang Dan Menyebarluaskan Ilmu Pengetahuan

Oleh Haji Mohidin Haji Mustapha

Dalam usaha untuk membantu penyebaran ilmu-ilmu Islam, kini Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri menawar dan menyediakan peluang beramal jariah kepada umat Islam melalui Skim Wakaf Buku Terbitan Jabatan Mufti Kerajaan yang diumumkan oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abd. Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, ketika berucap selaku tetamu kehormat di Majlis Penyampaian Buku-Buku Sumbangan Bank Islam Brunei Berhad Kepada Perpustakaan-Perpustakaan pada 15 April, 2002 bersamaan 2 Safar, 1423 yang lalu.

Tujuan Skim berkenaan diperkenalkan ialah bagi memberi peluang umat Islam beramal jariah dengan niat kerana Allah, untuk menyediakan peluang berwakaf bagi semua lapisan umat Islam dalam bentuk buku (ilmu) kepada institusi-institusi masjid, sekolah, institusi pengajian tinggi dan pusat-pusat rujukan awam. Selain itu, ia juga bertujuan sebagai langkah Jabatan Mufti Kerajaan ke arah memandu masyarakat Islam pada


sama-sama mengembang dan menyebarluaskan ilmu Islam dalam skopnya yang lebih luas lagi. Di samping itu, ia juga merupakan sumbangan Jabatan Mufti Kerajaan dalam memakmurkan negara dengan ilmu serta menyuburkan lagi intelektualisme.

Umat Islam yang berhajat untuk berwakaf melalui skim ini, bolehlah mengisi borang yang disediakan oleh Bahagian Penerbitan Dan Penerangan, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. Mereka hanya diminta memilih pakej-pakej wakaf yang telah disusun dan menentukan tempat buku-buku tersebut hendak diwakafkan, kemudian menyerahkan wang untuk membeli buku-buku yang hendak diwakafkan itu untuk diuruskan oleh Bahagian Penerbitan Dan Penerangan.

Sebanyak enam pakej wakaf telah disusun, dan setiap pakej berharga \$40.00. Sementara pakej set penuh berharga \$234.00.

Kemudian wakaf berkenaan bolehlah diwakafkan ke perpustakaan masjid, surau, balai ibadat, institusi pengajian dan perpustakaan awam di seluruh negara.

Borang dan keterangan lanjut bolehlah didapati daripada Bahagian Penerbitan Dan Penerangan, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam, Tel: 02-235121, 224955 Fax: 02-235120.



SEMINAR ANTARABANGSA MENGENAI ROKOK-atau-Sihat

Ulama & Pakar WHO Akan Bentangkan Kertas Kerja

Oleh Haji Yakob bin Haji Metali

**Yang Dimuliakan
Lagi Dihormati Pehin
Datu Seri Maharaja
Dato Paduka Seri
Setia Ustaz Haji
Awang Abdul Aziz
bin Juned, Mufti
Kerajaan, selaku
Pengerusi
Jawatankuasa
Indung Seminar
ketika Sidang Media
bersama wakil-wakil
media di negara ini.**



Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan akan mengungkayahkan Seminar Antarabangsa Mengenai Rokok-atau-Sihat. Ia akan diadakan pada 11~14 Julai, 2002 di Darulifta, Brunei Darussalam. 18 orang ulama dan pakar Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) akan membentangkan kertas-kertas kerja dalam pelbagai aspek, meliputi ilmu dan maklumat dalam perspektif Islam, kedoktoran, saintifik, perundangan, ekonomi dan kemasyarakatan.

Perkara ini dinyatakan oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, selaku Pengerusi Jawatankuasa Indung Seminar, di sidang media bersama wakil-wakil media negara ini pada hari Rabu 18 Safar, 1423 bersamaan 1 Mei, 2002 di Darulifta Brunei Darussalam.

Dalam sidang media tersebut, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin berkata, Jabatan Mufti Kerajaan memilih tema rokok kerana sudah tiba masanya kita melihat dengan lebih peka apa itu rokok, manfaatnya dan apa pula bahayanya yang telahpun dikenalpasti.

“Saya percaya, seminar ini cukup menarik dan bahkan sangat bermanfaat

dalam era kita pada hari ini. Ia akan turut membongkar hujjah-hujjah syara’ serta sekaligus alasan-alasan saintifik mengapa rokok itu dianggap musuh yang perlu diperangi. Kita juga akan melihatnya dengan “teropong sejarah,” di mana rokok itu sebenarnya mulamula ditemui, bagaimana ia berkembang dan siapa pula yang menjadi pencetus kepada budaya merokok itu.”

Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin juga berharap agar seminar yang akan diadakan itu nanti dapat mendukung menuju masyarakat sejahtera, sihat dan berkualiti serta dapat mengambil perspektif yang betul mengenai rokok serta bahaya yang diakibatkannya terhadap manusia.


Selain daripada seminar, pameran juga

akan diadakan selama 10 hari yang bersifat pameran ilmu dan maklumat mengenai perkara-perkara berkaitan tajuk seminar iaitu Rokok-atau-Sihat. Ia bersifat pameran perdagangan, memperkenalkan produk dan perkhidmatan terkini yang berfaedah kepada usaha-usaha individu, organisasi, pihak berkuasa dan pihak-pihak lain dalam memerangi ancaman rokok.

Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang selama ini ditutup buat sementara waktu kerana kerja pengubahsuaian, akan dibuka semula kepada orang ramai selepas majlis perasmian seminar.

Selain pameran yang sedia ada, satu pameran khas yang bertemakan Kepimpinan Raja dalam Hal-Ehwal al-Qur'an juga akan diadakan dengan memperkenalkan wawasan, arah tuju, kegiatan serta artifak-artifak yang berhubung rapat dengan kepimpinan baginda dalam hal-ehwal al-Qur'an.

Selain itu juga, akan dipamerkan replika artifak bersejarah yang wajar dilihat oleh umat Islam iaitu replika Mushaf Sayyidina Osman Radhiallahu anhu yang dipinjam daripada Muzium Negara Malaysia, di samping bahan-bahan artifak koleksi yang lain. ■



Mushaf Sayyidina Osman Radhiallahu anhu yang disimpan di Masjid Hussein, Mesir.

Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2002

Oleh Haji Yakob bin Haji Metali

Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri buat kali keduanya telah menyertai Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2002, yang telah diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur pada 13 – 22 Safar 1423 bersamaan dengan 26 April - 5 Mei, 2002.

Pesta Buku itu telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia, Tan Sri Musa Mohamed pada hari Jumaat 13 Safar, 1423 bersamaan 26 April, 2002.

Dalam ucapannya sebelum merasmikan Pesta Buku itu Yang Berhormat berkata, pesta buku yang diadakan mampu melahirkan masyarakat lebih dinamik bertepatan dengan tema, menakluki dunia melalui pembacaan.

Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur ke 21 ini menerima penyertaan yang terbanyak berbanding tahun-tahun sebelumnya. Bagi menampung permintaan syarikat penerbitan yang begitu menggalakkan, pihak pengajur



menyediakan dewan pameran sehingga ke aras 5, berbanding dengan tahun sebelumnya pameran cuma ditempatkan di aras 3 dan 4 Dewan Tun Razak sahaja.

Menurut pihak pengajur, sebanyak 136 penyertaan dari dalam dan luar negara menyertai pesta buku ini dengan memenuhi sebanyak 455 buah gerai. Antara penyertaan luar selain Brunei Darussalam ialah Singapura, Indonesia, Filipina, Republik Rakyat China, Mesir dan Amerika Syarikat

Penyertaan Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri di pesta buku ini menurut Ketua Bahagian



Selain menjual buku, perundingan juga dibuat dengan pihak pengedar buku dan bertukar-tukar maklumat mengenai bahan terbitan.

Yang Berhormat Tan Sri Musa Mohamed, Menteri Pendidikan Malaysia ketika melawat gerai Jabatan Mufti Kerajaan dan dialu-alukan oleh Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha, Ketua Bahagian Penerbitan dan Penerangan Jabatan Mufti Kerajaan.

Penerbitan dan Penerangan Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha, boleh mendukung dan mempermudah pelaksanaan agenda Jabatan Mufti Kerajaan dalam mengumpul, mengembang dan menyebarkan ilmu dan maklumat Islam.

Selain Jabatan Mufti Kerajaan, Dewan Bahasa Dan Pustaka Brunei Darussalam juga menyertai Pesta Buku tersebut.

Di pesta buku itu, sambutan terhadap buku-buku terbitan Jabatan Mufti Kerajaan sangat menggalakkan dan di luar jangkaan terutama minat yang ditunjukkan oleh pengedar-pengedar buku untuk mengedarkannya di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

Menurut Awang Haji Mohidin, buku-buku terbitan Jabatan Mufti Kerajaan pada masa ini bukan sahaja diterbitkan dalam bahasa Melayu, tetapi juga dalam bahasa Arab dan Inggeris

Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2003 dijangka akan diadakan pada 23 Mei – 1 Jun, 2003. ■

SEMOGA ROH ALLAHYARHAM

Dicucuri Rahmat

Bahan sumbangan
Haji Setia bin Sibau - Brunei Hall, UK

Dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam, di United Kingdom, telah mengadakan sembahyang Ghaib dan Majlis Bertahlil bagi Allahyarham Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Haji Awang Mahmud Saedon bin Awang Othman di Surau Brunei Hall, London, pada 24 Jun 2002.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah Yâsîn dan diikuti dengan tahlil yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan. Kemudian Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin mengimamkan sembahyang fardhu Maghrib dan sembahyang Ghaib.

Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Yunus bin Pengiran Haji Mahmud, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke United Kingdom dan Northern Ireland bersama-sama dengan kira-kira 70 orang jemaah lelaki dan perempuan yang terdiri daripada pegawai-pegawai dan



Di antara jemaah yang hadir di majlis bertahlil bagi Allahyarham Dato Paduka Seri Profesor Dr. Haji Awang Mahmud Saedon bin Awang Othman di Surau Brunei Hall, London.

kakitangan Suruhanjaya Tinggi, termasuk Pejabat Penasihat Pertahanan, Unit Penuntut-Penuntut, Agensi Pelaburan Brunei, masyarakat dan penuntut-penuntut Negara Brunei Darussalam yang berada di London telah menyertai majlis berkenaan.

Allahyarham telah kembali ke *rahmatullah* pada hari Isnin, 13 Rabiulakhir 1423 Hijriah bersamaan 24 Jun 2002. Allahyarham dikatakan jatuh pengsan semasa menghadiri

Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan dan Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Yunus bin Pengiran Haji Mahmud, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke United Kingdom dan Northern Ireland ketika membaca tahlil.



Persidangan Majlis Agama Islam Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS), di sebuah hotel di ibu negara.

Pegawai dan kakitangan Jabatan Mufti Kerajaan mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham dan berdoa semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat oleh Allah *Subhanahu Wata'ala* dan ditempatkan bersama roh orang-orang salih....*Âmîn. Al-Fâtiyah.*

Presiden MUIS kunjungi Darulifta Brunei Darussalam

Presiden Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) Haji Maarof bin Salleh telah mengadakan lawatan ke Darulifta Brunei Darussalam pada hari Khamis 16 Rabiulakhir 1423 bersamaan 27 Jun 2002.



Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin, Timbalan Mufti Kerajaan ketika menerima kunjungan Presiden MUIS dan rombongan. Turut hadir ialah pegawai-pegawai kanan Jabatan Mufti Kerajaan.

Semasa lawatan mereka telah mengadakan kunjungan muhibbah kepada Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin. Dalam perjumpaan itu berbagai perkara mengenai fatwa dan institusi fatwa telah dibincangkan.

AL-FUZAIL BERHADAPAN DENGAN

Khalifah Harun ar-Rasyid

Oleh Abu Kasim Ismail

Di siri yang lepas, al-Fuzail atau namanya yang sebenarnya Abu Ali al-Fuzail bin Iyaz at-Talaqani telah bertaubat daripada seorang ketua perompak yang ditakuti sehingga beliau menjadi seorang ahli sufi yang terkenal dengan ketegasannya.

Kali ini dipaparkan pula kisah beliau ketika berhadapan dengan Amirul Mu'minin Harun ar-Rasyid, pemerintah Iraq yang terkenal pada waktu itu sebagai khalifah yang mempunyai perhatian yang sangat tinggi terhadap pengembangan ilmu pengetahuan dan peradaban Islam.

Pada suatu malam, Khalifah Harun ar-Rasyid telah memanggil wazir kesayangannya Fazl Barmesid, salah seorang menteri merangkap menteri peribadinya.

Harun ar-Rasyid berkata kepada Fazl: "Wahai Fazl, malam ini bawa aku kepada seorang yang alim lagi tawadhu' yang boleh menunjukkan kepadaku tentang mengenali diri. Aku telah jemu dengan segala pujian, kebesaran dan kemewahan yang menjadi kebanggaanku selama ini."

"Wahai Amirul Mu'minin, di Iraq ini terdapat sungguh banyak ahli sufi yang terkenal dengan kewarakan dan keilmuannya, yang mana satukah yang tuanku mahu?" Tanya wazir Fazl Barmesid.

"Aku mahukan orang yang dapat menceritakan siapakah sebenarnya diri aku ini. Aku tak mahu tahu siapa dia", bentak Harun ar-Rasyid.

Mendengar Khalifah Harun ar-Rasyid semakin meninggikan

suaranya, wazir Fazl terus mengajak Amirul Mu'minin itu pergi ke rumah seorang alim iaitu Syeikh Sufyan al-Uyaina. Walaupun sudah larut malam Harun ar-Rasyid menggagahi juga mendapatkan Syeikh Sufyan dengan harapan orang alim ini dapat menghuraikan secara terperinci tentang bagaimana mengenali diri. Mereka berdua memberi salam sambil mengetuk pintu dan dari dalam kedengaran suara Sufyan menyahut:

"Wa'alaikumussalam, siapakah itu?"

"Aku wazir Fazl Barmesid, bersama aku ialah Amirul Mu'minin", jawab Fazl.

"Amirul Mu'minin? Mengapakah baginda mahu menyusahkan dirinya! Mengapa tidak diberitahu sahaja kepadaku sehingga aku datang sendiri menemuinya?" Jawab Syeikh Sufyan sambil membuka pintu.

Mendengar ucapan tersebut Harun ar-Rasyid berkata: "Wahai orang alim, engkau bukanlah orang yang kucari selama ini. Engkau pun mengagungkan aku, sama seperti orang lain juga."

Maka Syeikh Sufyan pun berkata secara jujur: "Wahai Amirul Mu'minin, jika demikian itu kehendakmu, maka Syeikh al-Fuzail adalah orang yang engkau cari, pergilah kepadanya."

Kemudian Syeikh Sufyan membacakan firman Allah Subhanahu Wata'alaa:

أَمْ حَسِبَ الَّذِينَ أَجْتَرُحُوا أَلْسِنَاتِ أَنْ

جَعَلْهُمْ كَالْذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا
الصَّالِحَاتِ سَوَاءٌ مُّخْيَاهُمْ وَمُمْتَاهِنُهُمْ سَاءَ
مَا يَحْكُمُونَ

(Surah al-Jathiah: 21)

Tafsirnya: Patutkah orang-orang yang melakukan kejahanatan menyangka bahawa Kami akan menjadikan mereka seperti orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dengan menyamakan keadaan (mereka semua) semasa mereka hidup dan semasa mereka mati? Buruk sungguh apa yang mereka hukumkan itu.

(Surah al-Jathiah:21)

Harun ar-Rasyid mengatakan: "Seandainya aku inginkan pengajaran yang baik nescaya dengan ayat ini saja sudah cukup memadai."

Kemudian pada malam itu juga mereka bergegas ke rumah Syeikh al-Fuzail. Setelah mereka memberi salam dan mengetuk pintu rumah al-Fuzail maka kedengaranlah suara dari dalam bertanya: "Siapakah itu?"

"Aku wazir Fazl Barmesid, datang bersama Amirul Mu'minin," jawab Fazl.

"Wahai wazir, terus terang aku katakan, di malam buta begini apakah urusannya dengan aku dan apakah urusanku dengan dia?" tanya Fuzail.

"Bukankah suatu kewajiban untuk mematuhi orang yang memegang kuasa?" Tanya wazir lagi.

"Kuasa? Sudah, jangan kamu semua menggangguku," pinta Fuzail yang pintunya masih belum dibuka.

"Perlukah aku menolak pintu ini dengan kekuasaanku sendiri atau dengan perintah Amirul Mu'minin?" Tanya Fazl.

"Wahai Fazl, janganlah engkau bercakap angkuh, tidak ada sesuatu pun kekuasaan yang boleh memberi kemudharatan kecuali kekuasaan Allah Ta'ala", jawab Fuzail.

"Jika engkau secara paksa menceroboh masuk ke rumahku, engkau tahu apa yang engkau lakukan, Allah Maha Mengetahui", al-Fuzail memberi peringatan.

Apabila pintu dibuka secara paksa, Harun ar-Rasyid pun melangkah masuk dan mengham-pirinya. Al-Fuzail serta merta meniup lampu pelitanya sehingga padam agar ia tidak dapat melihat wajah khalifah. Dia berbuat demikian kerana tidak mahu ketegasan yang ada pada dirinya akan menjadi luntur dan terpengaruh lantaran kemasyuran Amirul Mu'minin pada masa itu. Dalam keadaan gelap Harun ar-Rasyid meraba-raba menghulurkan tangannya dan akhirnya disambut oleh al-Fuzail yang kemudiannya berkata:

"Wahai Amirul Mu'minin, betapa lembut dan halusnya tangan tuanku ini semoga tangan ini terhindar daripada api neraka!"

Setelah berkata demikian al-Fuzail lantas berdiri dan berdoa untuk keselamatan Amirul Mu'minin. Harun ar-Rasyid merasa hatinya sangat tersentuh dan tidak dapat menahan tangisannya.

"Katakanlah kepadaku sesuatu dari mulutmu," pinta Harun ar-Rasyid.

"Dengarlah Amirul Mu'minin", al-Fuzail memulakan kata-katanya.

"Sebelum ini, bapa saudara Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam pernah meminta kepada baginda: "Jadikanlah aku pemimpin bagi sebahagian umat manusia." Nabi menjawab: "Wahai bapa saudaraku, untuk sesaat aku pernah mengangkatmu menjadi pemimpin dirimu sendiri." Dengan jawapan ini yang di-maksudkan Nabi adalah: Sesaat mematuhi Allah adalah lebih baik daripada seribu tahun dipatuhi oleh umat manusia. Kemudian Nabi menambah lagi: "Kepimpinan akan menjadi sumber penyesalan pada hari kebangkitan nanti."

"Teruskanlah wahai Fuzail", pinta Harun ar-Rasyid.

"Ketika diangkat menjadi khalifah, Umar Abdul Aziz memanggil Salim bin Abdullah, Raja' bin Hayat dan Muhammad bin Ka'ab. Umar berkata kepada mereka: "Hatiku sangat gelisah kerana ujian ini. Apakah yang harus kulakukan? Aku tahu bahawa kedudukan yang sangat tinggi ini adalah satu ujian walaupun orang-orang lain menganggapnya sebagai suatu kurnia. Salah seorang di antara ketiga sahabat Umar Abdul Aziz itu berkata: "Jika engkau ingin terlepas daripada hukuman Allah di akhirat nanti, pandanglah setiap Muslim yang lanjut usia sebagai ayahmu sendiri, setiap Muslim yang remaja sebagai saudaramu sendiri, setiap

Muslim yang masih kanak-kanak sebagai anakmu sendiri, dan perlakukanlah mereka sebagaimana seharusnya engkau lakukan", nasihat al-Fuzail.

"Aku takut jika wajahmu yang tampan ini akan terbakar hangus di dalam neraka. Takutilah Allah dan taatilah perintahNya. Berhati-hatilah serta bersikap secara bijaksana, kerana pada Hari Akhirat nanti Allah akan meminta apa yang dipertanggungjawabkan kepadamu sehubungan dengan setiap Muslim dan Dia akan memeriksa apakah engkau telah berlaku adil kepada setiap orang." Tegas al-Fuzail lagi.

Mendengar kata-kata Al-Fuzail itu Harun ar-Rasyid menangis dan menggeletar ketakutan sehingga hampir jatuh pengsan. Melihat hal ini wazir Fazl menengking kepada Syeikh al-Fuzail:

"Cukup! Cukup! Apakah engkau mahu membunuh pemimpim kaum Muslimin ini?"

"Engkau diamlah Haman! Apa yang engkau tahu tentang ilmu, orang-orang seperti engkau inilah yang telah menjerumuskan diri Amirul Mu'minin ke lembah kehinaan, kemudian engkau katakan aku yang mahu membunuhnya." Al-Fuzail mempertahankan dirinya.

(Bersambung ke muka 20)

"Engkau diamlah Haman! Apa yang engkau tahu tentang ilmu, orang-orang seperti engkau inilah yang telah menjerumuskan diri Amirul Mu'minin ke lembah kehinaan, kemudian engkau katakan aku yang mahu membunuhnya."

al-Fuzail mempertahankan dirinya.

IBU Cemerlang Generasi Gemilang

Oleh Hajah Sofiyah binti Haji Tuah

Di antara kewajiban ibu yang sangat suci dan mulia ialah memberikan perhatian penuh kepada anak-anak dalam mendidik dengan sebaik mungkin, sehingga dapat melahirkan generasi yang cemerlang di segenap bidang. Wanita atau ibu merupakan sekolah pertama bagi anak-anak, kerana wanitalah yang menanamkan sifat-sifat yang baik atau kebiasaan-kebiasaan yang terpuji pada diri anak-anak. Ibu juga bertanggungjawab dalam mencorak keperibadian anak tersebut sama ada menjadi baik atau sebaliknya, kerana seorang anak lebih banyak meniru tindak tanduk ibunya.

Dalam mendidik anak ini, terdapat tiga kategori utama:

1. Pendidikan jasmani
2. Pendidikan akal
3. Pendidikan akhlak

Pendidikan Jasmani

Melalui pendidikan jasmani, para ibu disarankan supaya menitikberat dan memperhatikan soal kesihatan dan kebersihan anak-anak. Dengan melatih mereka melakukan olahraga ringan akan dapat memperkuat otot-otot dan membangun tubuh badan mereka. Olahraga di luar rumah juga sangat penting agar anak-anak dapat menghirup udara segar yang sangat berguna untuk melancarkan peredaran darah sehingga tubuh sentiasa sihat dan segar.

Fakta ilmiah telah membuktikan bahawa daya kecerdasan otak sangat dipengaruhi oleh buruk baiknya keadaan kesihatan tubuh seseorang. Pepatah mengatakan “**akal yang sihat terdapat dalam tubuh yang sihat.**” Jadi pendidikan jasmani anak-anak tidak boleh diabaikan, kerana anak yang tumbuh dalam keadaan fizikal yang lemah akan mudah terdedah

kepada sebarang penyakit dan wabak yang boleh menjelaskannya untuk mencapai kejayaan sama ada di sekolah maupun lain-lain bidang yang diceburinya.

Pendidikan Akal

Anak damit mempunyai naluri dan kecenderungan masing-masing. Rumah adalah tempat pertama bagi pendidikan mereka. Oleh itu seorang ibu haruslah bijaksana dalam membentuk naluri anak tersebut bagi kemaslahatan atau kepentingan anak itu sendiri dan juga untuk kepentingan masyarakatnya.

Naluri anak-anak yang serba ingin tahu apa-apa yang dilihat di persekitarannya sudah pasti memerlukan kebijaksanaan kaum ibu dalam memberikan jawapan atau gambaran terhadap apa yang dipersoalkannya.

Di sinilah para ibu memainkan peranan penting dalam membentuk naluri anak-anak itu. Umpamanya naluri “menghargai atau mensyukuri nikmat keindahan” dalam memperkenalkan keindahan ciptaan Allah *Subhanahu Wata’ala*. Misalnya dengan menyuruh anak tersebut mendongak ke langit pada waktu malam, melihat pula keadaan bumi yang ditumbuhi dengan beraneka tumbuh-tumbuhan. Begitu juga dengan memerhatikan anggota tubuh badannya sendiri dengan setiap fungsinya serta perkara-perkara lain yang boleh menimbulkan kesedaran betapa agung dan mulianya Allah yang telah menciptakan segalanya.

Seorang ibu tidak boleh mendidik atau melatih naluri anak-anaknya bersikap ganas atau bengis, misalnya dengan mengatakan “pecahan ini”, “pukul adikmu”, “tendang kucing itu” atau mengherdik dan lain-lain seumpamanya

yang berbentuk ganas atau tidak bersifat ehsan. Didikan seumpama ini akan menjadikan dia generasi yang tidak berperikemanusiaan di kemudian hari. Apa yang seharusnya dilakukan oleh para ibu ialah melatih dan membentuk nalurinya menjadi seorang insan yang mulia, seperti marah demi untuk membela kebenaran, suka membantu orang yang lemah, bersifat penyayang, menghormati orang tua dan pandai menjaga perasaan orang lain dan lain-lain.

Begitu juga seorang ibu tidak wajar menakutkan anak-anak dengan menanamkan atau menggunakan cara-cara khurafat atau bercanggah dengan kehendak syara’, seperti dengan gambaran hantu yang menyeramkan, toyol dan lain-lain. Jika ini berlaku, ia boleh menimbulkan gangguan pada saraf atau gangguan jiwa pada anak itu sendiri. Anak-anak hanya boleh digambarkan dengan cerita-cerita mengenai seksaan Allah Ta’ala terhadap orang yang melakukan dosa atau melanggar perintahNya. Sebagai contoh paling mudah orang yang meninggalkan sembahyang, mencuri, tidak mentaati ibu bapa dan lain-lain, akan mendapat azab atau seksa di akhirat nanti. Gambaran seperti ini boleh menimbulkan perasaan takut di hati anak-anak dan akan menjadi pegangan hidupnya. Seorang ibu hendaklah sentiasa peka dengan perkembangan anak-anak dan sentiasa berusaha untuk memperluaskan wawasan anak-anak dengan cerita-cerita yang bermanfaat seperti cerita tokoh-tokoh agama dan lain-lain. Seorang ibu merupakan ‘role model’ bagi anak-anak sama ada dari segi perbuatan, percakapan dan tingkah laku kerana dorongan naluri yang suka mengikut dan meniru.

(Bersambung ke muka 17)

LAWATAN

Muhibbah

Oleh Haji Mohiddin bin Haji Mustapha



Para Pelawat sedang mendengar Penerangan dari Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin, Timbalan Mufti Kerajaan. Hadir sama mengalu-alukan rombongan ialah Dato Paduka Awang Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah, Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan.

Seramai 40 orang peserta Kursus/Bengkel Menghalusi Kefahaman Ajaran Agama Islam bagi pentadbiran, guru-guru sekolah rendah dan menengah tahun 2002 telah mengadakan lawatan

muhibbah ke Darulifta Brunei Darussalam pada hari Sabtu 18 Rabiulakhir 1423 bersamaan 29 Jun 2002.

Ketibaan rombongan dialu-alukan oleh

boleh mempengaruhi jiwa anak-anak.

Di sinilah para ibu memainkan peranan yang penting dan harus bijaksana dalam menanganinya. Begitulah betapa mulia dan agungnya kedudukan seorang ibu, yang boleh membentuk generasi yang akan datang. Ada ungkapan yang mengatakan : *Ibu ibarat sekolah yang apabila kamu persiapkan dengan baik bererti kamu telah mempersiapkan satu bangsa yang baik akarnya.*

Memandangkan peringkat awal pendidikan anak-anak bermula di rumah dan di bawah penjagaan ibu, maka sudah sewajarnya para ibu memiliki akhlak yang mulia dan sifat-sifat yang terpuji, berpegang teguh kepada agama dengan melakukan suruhan dan menjauhi larangannya. Ibu yang baik akan melahirkan generasi yang baik begitu pula sebaliknya.

Mendidik anak-anak merupakan tanggung jawab yang berat dan tidak boleh dianggap perkara yang remeh. Anak-anak merupakan amanah Allah Ta'ala yang mesti kita jaga dan

Dato Paduka Awang Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah, Pengarah Pentadbiran dan pegawai-pegawai kanan Jabatan Mufti Kerajaan.

Dalam sesi taklimat kepada rombongan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin, Timbalan Mufti Kerajaan, telah berkesudian memberikan penjelasan mengenai proses pengeluaran fatwa dan menjawab soalan yang diajukan.

Para pelawat telah diperkenalkan tentang Institusi Mufti Kerajaan menerusi taklimat yang disampaikan oleh Awang Haji Mohiddin bin Haji Mustapha, Ketua Pegawai Perhubungan Awam, yang juga selaku Ketua Bahagian Penerbitan dan Penerangan.

Rombongan pelawat kemudiannya dibawa meninjau ke Bahagian Penerbitan dan Penerangan.

pelihara dengan sebaik mungkin. Kita sebagai kaum ibu tidak seharusnya meninggalkan tanggungjawab ini dengan menyerahkan pendidikan anak-anak kepada pembantu rumah semata-mata, dengan alasan sibuk bekerja di luar rumah kerana membantu suami bagi meningkatkan taraf kehidupan. Sebagai seorang ibu kita harus bijak dalam membahagikan masa. Luangkanlah sedikit masa bersama keluarga (anak-anak) kerana anak-anak memerlukan perhatian dan kasih sayang. Jangan sia-sia dan diabaikan mereka kerana ini boleh membuka ruang gejala-gejala yang kurang sihat seperti bergaul dengan rakan sebaya yang bermasalah dan lain-lain. Akibatnya keluarga juga yang akan menanggung risiko disebabkan kelalaian dan tidak perihatin keluarga itu sendiri.

Dengan adanya didikan yang sempurna dari semua aspek, *insyallah* akan lahirlah generasi cemerlang yang berpendidikan dan bermoral di kalangan masyarakat akan datang. Semua ini adalah atas jasa dan pengorbanan seorang yang bergelar ibu. ■

(Dari muka 16)

Pendidikan Akhlak

Pendidikan akhlak dapat dilakukan dengan menanamkan prinsip-prinsip akhlak yang mulia dalam jiwa anak-anak, seperti sentiasa takut kepada Allah dengan melakukan suruhanNya dan menjauhi laranganNya. Mengajar-kannya bersifat taat kepada kedua ibubapa, jujur, amanah, penyayang, suka menolong orang lain bersifat ihsan kepada binatang dan lain-lain lagi.

Para ibu juga disarankan supaya menceritakan kepada anak-anak sejarah kehidupan Nabi Muhammad *Sallallhu 'alaihi wasallam* dan keluarga Baginda, kisah para sahabat yang berjuang semata-mata untuk kepentingan agama, untuk menjadi contoh ikutan dan pegangan mereka. Para ibu juga tidak boleh membiarkan anak-anak leka dengan menonton rancangan televisyen yang tidak bermanfaat, lebih-lebih lagi cekra padat (CD) yang kebanyakannya tidak berunsur pendidikan, malah terdapat banyak unsur-unsur kurang sihat yang

Marriage & 'IDDAH of Women Who Embrace Islam

(Part One)

*Adapted by Hajah Siti Alawiyah binti Haji Mohd Zainal
from the translation of the Fatwa of the State Mufti 1998*

Marriage With Polytheists

Islam completely forbids marriage with polytheists in any form, whether they happen to be idol-worshippers, apostates (*murtad* – those who have given up Islam), or animists (worshippers of animals, stones, trees and others). This is because such a marriage might lead the Muslim spouse to *shirk* (ascribing partners to Allah) for husband and wife relationship is not merely sexual but also spiritual as well as cultural. As Islam aims to build a model society, maximum attention should be given to the strengthening of the foundation of the family. A strong Muslim family leads to a strong Islamic nation.

Allah created men and women so that they can love one another, provide company to each other, procreate and live peacefully in tranquility according to the command of Allah and the sunnah (tradition) of His Prophet. By marrying a polytheist, a Muslim spouse might be influenced by the *mushrik* spouse in the spirit and ways of *shirk*.

Therefore Islam stresses that a Muslim man should marry a Muslim women in order to safeguard the Islamic faith (*aqidah*) and carry out our responsibilities with *taqwa* (fear of Allah).

Marriage Between *Mushrik*

(Polytheist) With *Mushrik*

Imam an-Nawawi *Rahimahullahu Ta'ala* says in Matan Minhâj ath-Thâlibîn, in the chapter on Nikâh al-Mushrik:

وَنِكَاحُ الْكُفَّارِ صَحِيقٌ عَلَى الصَّحِيقِ

Meaning: “And the marriages of the kafir are (ruled) *sahîh* (valid to one another) according to the (opinion) which is *sahîh*.”

This is on the basis of the injunction of Allah Ta'ala where the word ‘wife’ was used when referring to (the spouses of) Pharaoh and Abu Lahab, when in fact Pharaoh, Abu Lahab and their wives were not Muslims and their marriages were not in accordance with Islamic rites. Allah Ta'ala says in surah al-Qasas, verse 9:

وَقَالَتِ امْرَأَتُ فِرْعَوْنَ قُرْبَتْ عَيْنِي لِي
وَلَكَ

سُورَةُ الْقَصْصِ : ٩

Translated: “And (upon seeing the child) the wife of Pharaoh said: (May he be) a comfort of the eye for me and for you.”

(Surah al-Qasas: 9)

In surah al-Masad, verse 4 Allah says:

وَأَمْرَأَتُهُ حَمَّالَةُ الْحَطَبِ

سُورَةُ الْمَسَدِ : ٤

Translated: “And his wife too (Abu Lahab's wife), who carries wood.”

(Surah al-Lahab: 4)

Similarly, this is supported by a hadith (traditions of the Prophet) in connection with a companion named Ghailan who embraced Islam. At that time he had more than four wives so the Prophet ordered him to keep only four wives. If the previous marriages were not valid, the Prophet would most certainly not have asked him to keep four of his wives and neither did the Prophet question Ghailan on his previous marriages.

Therefore, in view of the above, it is non-obligatory for us to investigate the conditions of the marriages of non-Muslims because, according to the original law, their marriages, which are conducted among themselves, are valid as a *rukhsah* (leniency), similar to the marriages of Muslims.

Marital Tie of Non-Muslim Couple Who Embrace Islam

Related to this, when a non-Muslim couple embraces Islam together, either before or after conjugal relations, their earlier marriage is *halal* (lawful) and may be continued when they become Muslims. Although their previous marriage had conditions viewed as defective in Islam, according to their *i'tiqâd* (belief) it is *sâh* (valid) such as a

marriage without a *wali* (guardian), a witness or one in which the permission of the divorcee or the virgin bride was not obtained. This is the reason why their marriage is preserved with the *ijmâ'* (consensus) quoted by Ibn al-Mundzir and Ibn Abdul Barr (a new marriage is not necessary).

However, if their earlier marriage is unlawful in Islam, for example, the wife is his *mahram* (person with whom marriage is *haram*), his foster sister, or if she had previously been given three *talaq*, then the marriage will not be preserved, instead it will be annulled (*fasakh*).

Should a non-Muslim spouse embrace Islam, the following factors apply:

(i) If it is the husband who embraces Islam, whether before or after sexual relations with his wife who is a woman of the people of the book, then according to the consensus, their marriage is preserved because Muslim men are permitted to marry women of the people of the book.

(ii) If the husband embraces Islam but his wife is not from the people of the book, then there are two possible situations:

(a) If the husband's conversion to Islam took place before sexual relations, then their marriage is annulled (*fasakh*) with the husband's conversion and there is no '*iddah*' for the woman in accordance with the saying of Allah Ta'ala in surah al-Ahzâb, verse 49:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِذَا مَأْتُوا تَحْكُمُتُ الْمُؤْمِنَاتِ
لَمْ طَلَقْنَاهُنَّ مِنْ قَبْلٍ أَنْ تَمْسُوهُنَّ
فَمَا لَكُمْ عَلَيْنَ مِنْ عَدُوٍّ تَعْذِيزُهُنَّ

(Surah al-Ahzâb: 49)

Translated: "O ye who believe! If ye wed believing women and divorce them before ye have touched them, then there is no period ('iddah) that ye should reckon."

(Surah al-Ahzâb: 49)

(b) If the husband's conversion to Islam takes place after sexual relations, then, depending on the following factors, their marriage will be suspended: If the wife also embraces Islam during the period of '*iddah*' then their marriage is preserved but if the wife does not embrace Islam until the period of '*iddah*' is over, or if she embraces Islam after the completion of '*iddah*', then their marriage would have been abrogated from the time the husband had embraced Islam.

(iii) If it is the wife who embraces Islam and her husband, whether he is or is not a man from the people of the book, then the following applies:

(a) If the wife embraces Islam before sexual relations then their marriage would have been abrogated with her conversion to Islam.

(b) If the wife's conversion is after sexual relations, then depending on the following factors, the marriage is suspended: If the husband also embraces Islam while the wife is still in '*iddah*', then their marriage is preserved but if the husband does not embrace Islam while the wife is still in '*iddah*', or he embraces

Islam after the wife has completed her '*iddah*', then their marriage would have been abrogated from the time the wife first embraced Islam. (Refer to the book al-Majmû' Sharh al-Muhadzzab 17/409-410, Mughnî al-Muhtâj 3/245, Tuhfah al-Muhtâj 7/328, I'ânah at-Tâlibîn 3/340)

Embracing Islam at Different Times

When a kafir couple, who has had conjugal relations, embraces Islam at different times, then it is the '*iddah*' of the wife that becomes the guideline in determining whether the marital ties between them are still binding. This is on the basis of the narration by Abdullah bin Shubrumah, which is:

أَنَّ النَّاسَ كَانُوا عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُسْتَلِمُ الرَّجُلُ قَبْلَ
الْمَرْأَةِ وَالْمَرْأَةُ قَبْلَ الرَّجُلِ فَإِيُّهُمَا أَسْلَمَ
قَبْلَ اتِّقْسَاءِ عَدَّةِ الْمَرْأَةِ فَهِيَ امْرَأَتُهُ
وَإِنْ أَسْلَمَ بَعْدَ اتِّقْسَاءِ الْعَدَّةِ فَلَا نِكَاحٌ
بَيْنَهُمَا.

Meaning: "Indeed (the practice of) the people during the time of Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam (was that sometimes) a man would embrace Islam before the wife and (sometimes) a woman would embrace Islam before the husband. Therefore, whoever between them embraces Islam before the completion of the wife's '*iddah*', she is (still) his wife and if (any one of them) embraces Islam after the '*iddah* (period) then the marriage between them is no longer (preserved)."

To be continued in the next issue.

FUN FAIR Boleh Menyumbang kepada JUDI

Disusun semula oleh Haji Yakob bin Haji Metali

Islam telah mengharamkan semua unsur perjudian sama ada melalui permainan, hiburan atau sebagainya. Allah *Subhanahu Wata'ala* dan RasulNya mengharamkan judi dan menyuruh umat Islam menjauhinya kerana ia adalah perbuatan keji dan perbuatan syaitan serta tergolong ke dalam dosa-dosa besar.

Judi adalah salah satu perbuatan yang boleh mengeruhkan hubungan sesama manusia dalam sebuah masyarakat. Ia juga mencacatkan hubungan dengan Allah. Mereka yang melakukannya (melanggar larangan Allah) tidak akan mendapat keberkatan di dunia dan akhirat.

Judi disebut dalam bahasa Arab sebagai *al-maisir*. *Al-Maisir* merupakan suatu bentuk permainan yang memakai atau menggunakan wang dan lain-lain sebagai taruhan dan orang yang menang dalam permainan itu berhak mendapatkan taruhan tersebut. (Kamus Dewan: 545)

Macammana pula dengan *fun fair*, apakah ia dikatakan judi atau boleh menyumbang kepada judi?

Fun fair berasal daripada perkataan Inggeris dan menurut Kamus Dewan ia adalah pesta ria.

Sebagaimana biasanya *fun fair* dibuat di suatu lokasi atau tempat untuk bersuka ria. Selain daripada menyediakan gerai jualan barang-barang, ada juga disediakan pelbagai jenis hiburan dan permainan yang menawarkan hadiah-hadiah istimewa seperti rantai emas, jam dan sebagainya. Ia disediakan

mengikut syarat-syarat yang telah diaturkan.

Kebiasaannya, di antara permainan-permainan yang disediakan termasuklah membaling gelang besi ke sasarannya. Untuk menyertai permainan ini, pelanggan terlebih dahulu dikehendaki membeli gelang besi tersebut. Cara permainannya, gelang akan dibaling ke sasarannya, jika masuk pada sasarannya, maka si penjual akan memberikan hadiah. Antara hadiah-hadiah yang disediakan ialah seperti anak patung atau lain-lain. Manakala pelanggan yang gagal menepati sasarannya maka tiadalah hadiah yang diberikan.

Antara jenis permainan yang diadakan lagi ialah seperti memancing kepingan papan di atas air. Kepingan papan berkenaan diukir menjadi berbagai bentuk. Di belakang kepingan papan tersebut tertulis jumlah markah seperti 100, 200 atau kosong. Sebelum itu pelanggan diberitahu agar memancing ukiran papan itu sebanyak mungkin untuk mengumpul jumlah markah daripada ukiran papan tersebut. Biasanya pelanggan akan dikenakan bayaran bagi setiap ukiran papan yang dipancingnya. Sesudah pelanggan memancing ukiran papan tersebut dan membayar setiap satu ukiran yang diperolehi baharulah penjual itu menjumlahkan markah yang diperolehi pelanggan, kemudian memberi hadiah yang ditentukan mengikut kadar jumlah markah tersebut. Jika markah pelanggan itu tinggi, maka mahal dan istimewalah hadiah yang diberikan. Tetapi jika tidak mencapai pada markah yang

sudah ditentukan itu maka tiadalah hadiah yang diberikan kepadanya. Cara permainan ini adalah sama dengan permainan di zaman Jahiliah iaitu *at-tazji'ah*.

Ada juga permainan dengan cara memasukkan duit syiling di dalam bekas yang dipenuhi dengan duit syiling yang lain. Apabila duit yang dimasukkan itu terkena pada sesuatu tempat yang menyebabkan terjatuhnya sebilangan kumpulan duit, maka berjayaalah pelanggan itu untuk mendapatkan duit syiling yang banyak dari bekas tersebut.

Begitulah di antara jenis dan corak permainan yang terdapat di dalam *fun fair* tersebut mengikut syarat-syarat yang ditentukan. Walau bagaimanapun tidak dinafikan permainan-permainan yang lebih menarik dan canggih telah direka tanpa menyusahkan si pemain, iaitu dengan hanya membeli kupon akan diketahui sama ada dia menjadi pemenang atau sebaliknya setelah diadakah undian. Permainan seperti ini dinamakan *al-yanasib* (judi loteri). Walaupun tidak menimbulkan permusuhan dan tidak menghalang pelakunya daripada mengingati Allah *Subhanahu Wata'ala*, akan tetapi perlaksanaan undian loteri itu mempunyai akibat-akibat buruk seperti juga pada jenis judi yang lain. Akibat-akibat buruk yang dimaksudkan ialah kenyataannya ia merupakan salah satu cara untuk mendapatkan harta orang lain secara tidak sah. Cara-cara seperti ini diharamkan oleh syariah. (Ensiklopedia Hukum Islam: 3/1055)

Berdasarkan kepada contoh-contoh

permainan yang disebutkan di atas, adalah jelas ia merupakan permainan-permainan yang mempunyai unsur pertaruhan dan mengadu nasib.

Jika dibandingkan dengan pengertian judi dan unsur-unsur yang ada pada judi sepetimana yang disebutkan sebelum ini, maka permainan-permainan seperti di atas adalah termasuk dalam kategori judi kerana ia mempunyai unsur-unsur yang sama.

Dari itu, hendaklah diingat bahawa mana-mana permainan yang mempunyai unsur pertaruhan, mengadu nasib atau salah satu pihak akan menerima kerugian adalah judi.

Walau bagaimanapun tidak semua yang berbentuk permainan atau

perlumbaan itu judi, seperti seseorang yang berkata kepada teman-temannya yang diajak bertanding dalam suatu perlumbaan: "Jika kamu boleh mengalahkan saya, saya akan memberimu hadiah. Sebaliknya jika kamu kalah tidak ada kewajipan apa pun atas kamu untuk saya". Kriteria seumpama ini telah disebut dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah Bin Harits bahawa Rukanah, salah seorang kafir Quraisy, pernah mengajak Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* untuk mengikuti permainan berdua tenaga seperti gusti. Dia menawarkan beberapa ekor kambing jika Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* menang. Dalam perlawanan itu, ternyata Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* menang. (Bazl

Al-Majhûd: 16/402)

Sayugia diingatkan bahawa permainan-permainan dalam *fun fair* itu, sebenarnya sangat melalaikan bahkan tanpa disedari membawa kepada pembaziran wang.

Maka, jelas bahawa yang haram itu hendaklah dijauhi dalam segala hal dan keadaan, sebagai langkah memelihara diri daripadanya dengan apa cara sekalipun. Dalam keghairahan mencari harta dengan jalan bermula atau lain-lain sumber pencarian, adalah wajib kita berhati-hati daripada terjebak dengan perkara-perkara yang tidak sah dalam jual beli, apa lagi jika ia membawa kepada yang haram. ■

Dipetik dari buku Irsyad Hukum tahun 2000.

(Dari muka 15)

Mendengar kata-kata al-Fuzail ini tangisan Harun ar-Rasyid semakin kuat sambil berkata kepada wazir Fazl: "Engkau dengar wahai Fazl! Kalau dia memanggil dirimu Haman bererti menyamakan diriku ini dengan Firaun".

Setelah tangisannya kembali reda, Harun ar-Rashid bertanya kepada Fuzail: "Apakah engkau mempunyai hutang yang belum dijelaskan?"

"Ya, hutang kepatuhanku kepada Allah. Seandainya Dia memaksaku untuk menjelaskan hutang itu maka celakalah aku!" Jawab Fuzail.

"Apa yang aku maksudkan ialah hutangmu kepada manusia", Harun ar-Rashid menegaskan.

"Aku bersyukur kepada Allah yang telah mengurniakan kepadaku sedemikian banyaknya rezeki sehingga tidak ada keluh kesah yang harus kusampaikan kepada

hamba-hambaNya." Ujar al-Fuzail.

Kemudian Harun ar-Rasyid menaruh sebuah bekas yang berisi seribu dinar di hadapan Fuzail sambil berkata: "Ini adalah wang halal yang diwariskan oleh ibuku."

Tetapi Fuzail mengutuknya lagi: "Wahai Amirul Mu'min, nasihat yang kusampaikan kepadamu ternyata sia-sia tidak ada faedahnya. Bahkan engkau telah mulakan lagi perbuatan yang salah dan mengulangi kezaliman."

"Apakah perbuatan yang salah telah kulakukan?" Tanya Harun ar-Rasyid kehairanan.

"Aku menyerumu ke jalan keselamatan tetapi engkau menjerumuskan aku ke dalam godaan. Bukanakah hal itu suatu kesalahan? Telah kukatakan kepadamu, kembalikanlah segala sesuatu yang ada padamu kepada pemiliknya yang berhak. Tetapi engkau memberikannya kepada yang bukan haknya. Aku ikhlas

memberi nasihat kepadamu tanpa mengenakan sedirham pun", tegas al-Fuzail.

Setelah berkata demikian, al-Fuzail berdiri dan melemparkan wang-wang emas itu ke tanah sambil dikutip oleh wazir Fazl.

"Benar-benar seorang manusia hebat! Sesungguhnya al-Fuzail adalah seorang raja bagi umat manusia." Harun ar-Rasyid berkata ketika meninggalkan rumah al-Fuzail.

Sudah barang tentu sangat mudah bagi Allah Ta'ala mengampunkan kita semua apabila kita tersedar daripada kesilapan dan kealpaan, daripada kita hidup di dalam kepupuraan dan sering melakukan kebaikan dengan harapan kita akan menerima suatu ganjaran atau pujian yang menyebabkan diri kita menjadi lalai dengan sandiwara dunia ini. ■

وَاللَّهُ أَعْلَمُ

Dipetik dari kitab Tadzkiratul Aulia karangan Farid Ad-Din Attar.

20 Perpustakaan Institusi Kerajaan Terima Wakaf Buku



Oleh Haji Yakob bin Haji Metali

bertempat di Darulifta, Brunei Darussalam.

*Yang Dimuliakan Lagi
Dihormati Pehin Datu Seri
Maharaja Dato Paduka
Seri Setia Ustaz Haji
Awang Abdul Aziz bin
Juned, Mufti Kerajaan,
menyampaikan sendiri
wakaf peribadi Pehin
kepada wakil Jabatan
Muzium-Muzium Brunei,
Pengiran Haji Mohammad
Yamin bin Pengiran Setia
Jaya Pengiran Haji Abdul
Momin.*

Sebanyak 20 buah perpustakaan kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, perpustakaan awam dan institusi pengajian telah menerima sumbangan wakaf 20 buah judul buku terbitan Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.

Majlis penyampaian wakaf itu telah disempurnakan oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan selaku pewakaf. Majlis berlangsung pada hari Khamis 10 Rabiulawal 1423 bersamaan 23 Mei 2002,

Buku-buku yang diwakafkan itu antara lain mengandungi buku Fatwa dan Irsyad Hukum dari tahun 1994 hingga 2000.

Menurut Ketua Bahagian Penerbitan dan Penerangan, Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha, beberapa orang pewakaf telah datang ke pejabat bagi menyahut Skim tersebut dan ada di antara mereka telah berwakaf ke masjid dan institusi pengajian di luar negara.

Harga terendah wakaf buku yang ditawarkan ialah \$40.00 bagi setiap 3 buah buku, dan \$234.00 bagi setiap set penuh 20 buah buku. ■

SYARIKAT AMANAH HAJI ABDULLAH *Sahut Seruan Berwakaf*

Syarikat Amanah Haji Abdullah telah menyahut seruan untuk berwakaf buku terbitan Jabatan Mufti Kerajaan yang diumumkan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned baru-baru ini. Syarikat tersebut telah mewakafkan 6 set buku-buku terbitan Jabatan Mufti Kerajaan kepada Perpustakaan 6 buah masjid. Masjid-Masjid tersebut ialah Jame 'Asr Hassanal Bolkiah, Masjid Sultan Syarif Ali, Sengkurong, Masjid Kampong Bunut, Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Masjid Kampong Kilanas dan Masjid Kampong Bengkurong.

Majlis penyampaian wakaf itu telah



*Awang Haji
Misli bin Haji
Abdullah salah
seorang
pengarah &
pemilik
Syarikat
Amanah Haji
Abdullah ketika
menyampaikan
wakaf tersebut
kepada wakil
masjid.*

disempurnakan oleh Awang Haji Misli bin Haji Abdullah, salah seorang Pengarah dan Pemilik Syarikat berkenaan. Majlis berlangsung pada hari Isnin, 9 Safar 1423 bersamaan 22 April 2002 bertempat di Darulifta, Brunei Darussalam.

Setiap pakej wakaf mengandungi sebanyak 20 buah buku-buku Fatwa Mufti Kerajaan dan Irsyad Hukum termasuk Himpunan Fatwa mengenai Isu-Isu Kewangan, dan Penyembelihan Binatang dan Pengendalian Daging. ■

Takaful IBB Berhad memperkenalkan produk-produk takaful yang baru.

Pelan Takaful Al-Syifa adalah satu paket pelan takaful kesihatan yang menawarkan kemudahan pembayaran balik bagi kos perbelanjaan perubatan disebabkan sakit ataupun cedera akibat kemalangan. Pelan ini menawarkan perlindungan 24 jam seluruh dunia kecuali Amerika Syarikat, Kanada dan the Caribbean. Tujuan utama pelan ini adalah untuk memastikan pelanggan mendapat rawatan perubatan yang terbaik tanpa risau mengenai kos pembiayaan perubatan.

Pelan Takaful Amal Jariah adalah bertujuan untuk memberi galakan kepada umat Islam ke arah pembangunan ummah dan sebagai mengalakkannya seseorang Islam melakukan amal jariah melalui kaedah waqaf. Pelan ini membolehkan seseorang itu merancang program kewangannya untuk berwaqaf dengan tujuan untuk membantu institusi-institusi yang tertentu atau menolong golongan yang susah.

Pelan Takaful Walimatul Urus adalah satu pelan khas yang disediakan bagi remaja lelaki atau perempuan untuk mempersiapkan diri dari segi kewangan bagi tujuan mendirikan rumah tangga. Pelan ini juga dihasilkan kepada ibubapa yang berhasrat membuat tabungan bagi anak-anak mereka sebagai hibah atau hadiah untuk perkahwinan anak-anak mereka pada masa akan datang.

Pelan Takaful Haji/Umrah adalah khususnya bagi seseorang Islam yang berhasrat untuk mengerjakan ibadah haji atau umrah dalam jangka paling dekat iaitu lima tahun dan sepuluh tahun. Pelan ini menyediakan tiga paket yang boleh disertai iaitu Paket A bagi ansuran caruman bulanan \$150 bagi 5 tahun atau \$75 bagi 10 tahun; Paket B bagi ansuran caruman bulanan \$125 bagi 5 tahun atau \$65 bagi 10 tahun, Paket C bagi ansuran caruman bulanan \$105 bagi 5 tahun atau \$55 bagi 10 tahun.



بر حمد
TAKAFUL IBB تكافل
BERHAD ISLAMIC INSURANCE

Takaful yang awda percayai...

(Dari muka 1)

Sallallahu 'alaihi wasallam dalam menghadapi isu-isu yang mencabar, di mana Baginda tidak pernah tunduk atau menyerah kalah kepada sebarang kebatilan, walaupun ada kalanya Baginda terpaksa menghadapinya seorang diri.

Seterusnya baginda bertitah, bahawa peribadi yang dimiliki oleh Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam* itulah peribadi yang diberkati oleh Allah dan ia patut dijadikan suri teladan oleh umat Islam seluruhnya, khasnya oleh pemimpin yang memegang amanah Allah supaya sama-sama mencontohnya apa yang dilakukan oleh para sahabat Baginda.

Titah baginda seterusnya: "Beta berharap, budaya menyambut dan memperingati hari keputeraan Baginda Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* ini tidaklah akan menjadi budaya kosong begitu sahaja, tetapi mestilah menjadi penggerak dan pencetus kesedaran berkordan untuk Islam dan masa depannya yang panjang."



Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam ketika membaca doa selamat di perhimpunan dan perarakannya tersebut.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengepalai perarakkan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam*. Berangkat sama ialah anakanda dan adinanda baginda.

Kemuncak perayaan Maulud Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam* pada tahun ini ialah perhimpunan dan perarakkan di ibu negara pada pagi Sabtu, 12 Rabiulawal, 1423 bersamaan 25 Mei, 2002. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat bercemar duli bersama rakyat dan penduduk bagi meraikan sambutan kemuncak itu di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Aturcara sambutan dimulai dengan bacaan surah al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abd. Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Kemuncak perhimpunan pada pagi itu ialah perarakkan mengelilingi Bandar Seri Begawan yang dikepalai oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia beserta kerabat-kerabat diraja.

Perarakkan tahun ini disertai oleh lebih daripada 20 ribu peserta daripada 138 pasukan yang terdiri daripada kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, institusi pengajian tinggi, sekolah-sekolah menengah dan rendah, sektor swasta dan pertubuhan-pertubuhan awam.

Diterbitkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri

Darulifta' Brunei Darussalam. Spg. 26, Jalan Pengiran Babu Raja, Bandar Seri Begawan BA2112, Negara Brunei Darussalam

Telefon: 02-235121, 02-224955 Fax: 02-235120

Website: www.brunet.bn/gov/mufti E-mail: mufti@brunet.bn dan Fatwa@brunet.bn